


**Jilid IV  
Bil. 2**

**Rabu  
13 Mei 1998**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

# K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**USUL:**

- Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong  
- *Y.B. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin*

(Ruangan 15)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,  
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K.,  
D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,  
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P.  
(Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M.  
(Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P.  
(Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah  
Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik -  
Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,  
A.M.N., P.P.N. (Johor)

- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K.,  
J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K.,  
J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.  
(Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l  
Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T.  
(Dilantik)

- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,  
A.M.S. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato' Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M.,  
P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara/ Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Pemangku Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hassan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
Rabu, 13 Mei 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PROJEK KERAJAAN DI SABAH DAN SARAWAK - JUMLAH  
DISWASTAKAN**

1. **Datuk Michael Bong Thiam Joon** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah projek-projek kerajaan di Sabah dan Sarawak yang telah diswastakan sehingga Disember 1997 dan nilainya. Adakah dengan keadaan kegawatan ekonomi kini, projek-projek tersebut yang bakal diswastakan akan ditanggungkan pelaksanaannya.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat beberapa projek Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah diluluskan oleh kerajaan untuk diswastakan. Dalam hubungan ini sehingga tahun 1997, projek-projek kerajaan di Sabah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk diswastakan adalah seperti berikut:

- (i) Bekalan Air Sabah: kosnya RM3 bilion - Syarikat konsesinya Natayo Sabah Sdn.Bhd.;
- (ii) Kompleks Kementerian Kewangan di Likas: kos RM55 juta - Syarikatnya ialah Lembaga Urusan dan Tabung Haji;
- (iii) Perbadanan Tenaga Negeri Sabah - Syarikatnya Lembaga Letrik Sabah; dan
- (iv) Penyenggaraan Sabah Land Development Board - Syarikatnya sama.

Daripada projek-projek tersebut, hanya projek Kompleks Kementerian Kewangan di Likas dan Penyenggaraan Sabah Land Development Board akan diteruskan. Manakala dua projek lagi adalah dalam peringkat perundingan antara kerajaan dengan pihak syarikat konsesi yang berkenaan.

Sementara itu projek-projek kerajaan di Sarawak yang telah diluluskan untuk diswastakan adalah seperti berikut:

- (i) Penjara Baru Kuching: kos RM165 juta - Syarikat konsesi WMM Holding Sdn.Bhd.;
- (ii) Stesen TV Sarawak: kos RM600 juta - Syarikat N.Hock Sdn. Bhd.; dan
- (iii) Penswastaaan dan Penyenggaraan Lembaga Kemajuan Tanah Sabah - Syarikatnya adalah Sarawak Land Development Board.

Penswastaaan Penjara Baru Kuching akan diteruskan manakala stesen TV di Sarawak telah pun beroperasi. Sementara itu penswastaaan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak sedang dirundingkan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bagaimanakah kedudukan Projek Bakun yang satu masa dulu menjadi projek yang penting bagi negara?

**Dato' Othman bin Abdul:** Kedudukan Projek Bakun masih lagi dalam pengkajian pihak kerajaan untuk diteruskan.

#### SISTEM 'Z' SCORE - BILANGAN SYARIKAT DI BSKL

2. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Kewangan menyatakan mengikut sistem 'Z' score berapakah bilangan syarikat yang dilisted di BSKL berada di dalam keadaan yang tidak sihat dan apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak menggunakan sistem 'Z' score untuk mengukur pencapaian kewangan syarikat tersenarai, tetapi sistem itu biasanya digunakan oleh syarikat-syarikat penyelidikan untuk menganalisa syarikat-syarikat yang tenat. Walau bagaimanapun BSKL mempunyai mekanisme sendiri untuk mengawasi kemantapan syarikat-syarikat tersenarai dengan menganalisis kedudukan kewangan syarikat dan meminta penjelasan lanjut mengenainya jika perlu.

Di antara langkah-langkah yang sesuai untuk membantu syarikat yang berada dalam keadaan tenat ialah mereka boleh mengadakan skim penyusunan semula bagi mengukuhkan kedudukan kewangan masing-masing, tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak yang berkenaan termasuk pemuitang-pemuitang syarikat itu.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah benar satu senarai yang keluar di Internet mengatakan tidak kurang daripada 20 tokoh-tokoh peniaga kita akan diambil tindakan oleh bank-bank di sebuah negeri asing?

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah khabar angin yang tidak ada asas dan saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat jangan percaya khabar itu kerana saya pun difahamkan suatu senarai yang dikeluarkan melalui Internet kononnya datang daripada Securities Commission mengenai 80 syarikat yang tenat. Sebenarnya itu adalah berita palsu semata-mata untuk menggugat pasaran saham kita. Setakat ini BSKL tidak mempunyai maklumat langsung mengenai bilangan syarikat yang tersenarai berada dalam keadaan tenat. Adalah tidak benar sama sekali khabar-khabar angin itu dan tidak ada senarai pemegang saham ataupun senarai syarikat yang dikeluarkan oleh BSKL ataupun Suruhanjaya Sekuriti.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, dalam keadaan ekonomi kita begini, banyak perkara yang keluar melalui Internet, melalui surat dan yang sebenarnya seperti kata Yang Berhormat tadi, perkara ini tidak boleh dipercayai dan tidak benar. Walau bagaimanapun, bagaimana kita hendak menahan orang menerima perkara-perkara macam ini, melainkan kerajaan membuat sesuatu - menyatakan dalam surat khabar bahawa perkara ini tidak betul, ini semuanya palsu, ini adalah dakyah. Jadi orang ramai akan percaya. Kalau kita diam, perkara ini akan diterima dan diingatkan perkara ini benar. Kita mesti cari jalan untuk menahankannya, supaya penduduk-penduduk kita, rakyat-rakyat kita, orang yang main saham, orang yang ada saham dalam syarikat dan sebagainya dapat mempertahankan dan juga orang ramai akan membeli saham lagi - tak ada apa, ini semua dakyah belaka. Kerajaan sudah berkata Timbalan Perdana Menteri sudah berkata di dalam Dewan Negara baru-baru ini - tidak ada apa-apa, ini palsu belaka. Mari kita semua beli saham. Inilah caranya, kalau kita diam sahaja, esok keluar lagi, lusa keluar lagi. Apa cara kita hendak menahannya. Kerajaan mesti bertindak, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saranan Dato' Haji Mohd. Zuki itu adalah baik. Sebenarnya kerajaan tidak pernah berdiam diri dalam hal ini. Kita telah membuat beberapa statement mengenai hal ini. Saya sendiri telah menafikan banyak kali dan juga kita khususnya parti-parti komponen Barisan Nasional mengadakan program untuk memberi penerangan kepada rakyat. Saya sendiri pergi kepada semua negeri untuk memberi penerangan mengenai hal ini. Jadi saranan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki itu adalah baik tetapi sedang

dilakukan oleh kerajaan - jikalau perlu kita lakukan menafikan sebanyak-banyaknya dan kita terus tambah lagi.

**Dato' Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada satu syarikat baru yang disenaraikan di mana keuntungan adalah di'guarantee', dan sekiranya syarikat baru ini disenaraikan, menghadapi nasib juga di bawah 'receivership' bagaimana BSKL akan melindungi interest bagi pelabur-pelabur atau pemegang saham yang kecil. Soalan saya bagaimana sekiranya syarikat itu, keuntungannya dijamin tetapi menghadapi masalah kewangan juga dalam masa ini?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian dalam soalan ini. Yang pertama sekali ingin saya nyatakan, jikalau mana-mana syarikat hendak disenaraikan, satu daripada neraca-neraca yang dilihat oleh BSKL ialah guarantee profit ataupun keuntungan dan guarantee ini dibuat berasaskan kepada unjuran-unjuran semasa 'current prediction', 'current focus', tetapi dalam hal ini, mengikut dalam ilmu ekonomi, risiko-risiko wujud dan kita sebagai manusia, kita membuat unjuran ataupun andaian (assumption) berasaskan kepada kedudukan semasa. Andainya berlaku gerak gempa sebegini iaitu kegawatan ekonomi yang mana kita sendiri terkejut dengan hasilnya, maka guarantee ini tidak dipakai kerana saya datang kepada masalah kedua, iaitu di dalam kita membeli saham, kita mesti faham bahawa kita menaruh ataupun mengunjurkan tiap-tiap sen wang kita untuk risiko, berlainan kalau kita menyimpan tabungan. Ada perbezaan di antara tabungan dan pelaburan - a difference - a world of difference between savings and investments. Jadi di sini apabila kita membeli saham, kita membuat investment - keseluruhan wang itu didedahkan kepada risiko. Di dalam hal ini risiko ini kalau dia rugi, rugilah, tidak ada guarantee. Cuma kita jangan terkeliru dengan guarantee yang kerajaan bagi kepada simpanan. Simpanan memang kerajaan bagi kerana deposit dalam bank oleh pendeposit memang diberi guarantee oleh pihak kerajaan. Kerana itu tidak merupakan satu investment - ia deposit. Tanggungjawab pendeposit dia mendeposit, tapi tanggungjawab melabur ialah bank. Bank yang menanggung. Sebab itu kerajaan terpaksa memberi perlindungan kepada depositers. Jadi perbezaan di antara investment dengan saving ini perlu diketahui dengan lebih mendalam.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menyarankan, soalan saya ini berasaskan kepada ungkapan yang berbunyi 'tidak sihat' dalam persoalan yang tersebut. Sebagaimana yang kita faham, kita insan, manusia, kalau kita tidak sihat, satu kita kurang kemampuan untuk kita makan. Yang kedua, kita fikir lebih. Yang ketiga, kita guna tenaga kita lebih. Soalan saya, bila berkaitan dengan syarikat di BSKL, apakah punca yang menjadi tidak sihat dan kalau ada yang tidak sihat apakah cara-cara kerajaan akan mengambil langkah-langkah supaya mengembalikan dan menjadikan satu yang sihat?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, punca yang menjadi semua syarikat BSKL yang terdedah kepada pinjaman dan juga pinjaman luar ialah kejatuhan mata wang ringgit. Itu puncanya dan semua adalah boleh dikatakan terlibat sedikit - ada yang sedikit dan ada yang banyak. Kalau saya hendak bandingkan dengan keadaan manusia puncanya ialah apa yang datang di BSKL ini macam wabak taun yang semua kena. Apabila kita menggunakan istilah 'tidak sihat', banyak di antara kita dalam Dewan ini, ada yang tidak sihat, kalau ada darah tinggi tidak sihat, kencing manis tidak sihat, tetapi keadaan tidak sihat itu boleh dihidup bersama - boleh dilive with - iaitu kalau berdarah tinggi - sekejap lagi boleh ambil "tenomin" makan habis hilang, boleh dijaga jadi kedudukan tidak sihat dengan kedudukan kena wabak ini berlainan Yang Berhormat, Tuan Hanipah, jadi inilah kedudukan semua, kita seolah-olah kena wabak taun yang paling teruk, bukan kita sahaja, Thailand, Indonesia, seluruh dunia akan kena wabak taun insya-Allah tidak lama lagi. Jikalau wabak kita tidak ditolong oleh negara-negara Barat, mereka pun nanti kena juga. Jadi tidak sihat, saya tidak sihat, Yang Berhormat Menteri Pertahanan lagi tidak sihat kerana dia banyak lagi daripada saya - saya darah tinggi sahaja.

### KL - HIGHWAY - CADANGAN MEMBATALKAN PROJEK

3. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) sama ada beliau akan menimbang bantahan-bantahan orang awam yang tinggal di sekitar Bukit Bandaraya, Kuala Lumpur dan Universiti Malaya terhadap rancangan KL Highway yang akan dibuat oleh Sprint Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn.Bhd. dan adakah kementerian akan membatalkan projek yang bernilai RM1.3 bilion itu; dan
- (b) adakah kementerian akan memberi peluang kepada pemegang saham Sprint iaitu Mujur Minat Sdn. Bhd., Gamuda Berhad dan Kumpulan Pinang Projek lebuhraya yang lain di masa akan datang sebagai usaha mewujudkan suasana 'menang-menang' (win-win situation).

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan pembinaan Kerinchi Link di bawah projek penswastan Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat, memandangkan projek berkenaan akan melengkapkan sistem jalan lingkar di Bandaraya Kuala Lumpur. Kerinchi Link akan menjadi pemancing dalam usaha kerajaan membangunkan infrastruktur di sebelah bahagian barat Kuala Lumpur. Perjanjian konsesi di antara kerajaan dengan syarikat konsesi iaitu Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat, iaitu Sprint Sdn. Bhd. telah pun ditandatangani pada 23 Oktober 1997.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu bantahan daripada berbagai pihak yang berkepentingan termasuk orang awam berkaitan dengan perolehan tanah dan jajaran projek merentasi kawasan kepentingan awam, dan tanah bermilik, (geran) kerajaan telah mengadakan mesyuarat/perundingan dengan syarikat konsesi bagi membincangkan alternatif-alternatif yang lebih sesuai berkaitan dengan penjajaran semula, dengan izin, re-alignment project Kerinchi Link.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat ini, kerajaan telah memutuskan supaya jajaran Kerinchi Link dipinda, iaitu jajaran baru Kerinchi Link akan dibina di luar pintu masuk University Malaya. Walaupun pindaan jajaran Kerinchi Link melibatkan pembinaan sebuah lebuhraya yang mempunyai selekoh yang agak tajam di luar pintu masuk Universiti Malaya. Reka bentuk kejuruteraan berkaitan, kelajuan lebuhraya akan disesuaikan untuk mengurangkan had kelajuan kenderaan kepada 60 kilometer sejam. Papan-papan tanda akan dipasang sebagai amaran peringatan kepada pengguna. Di samping itu, syarikat konsesi akan memasang penghadang iaitu, dengan izin, noise barrier untuk mengurangkan kebisingan yang mungkin berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, jajaran baru yang dicadangkan telah diterima oleh semua pihak, semua pihak berertinya pihak universiti yang terbabit termasuk pihak pentadbiran Universiti Malaya dan Institut Bahasa dalam perundingan yang telah diadakan di Unit Perancang Ekonomi.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, kelulusan untuk melaksanakan satu-satu cadangan projek penswastan lebuhraya/jalan raya adalah diputuskan oleh Jemaah Menteri. Suka saya menjelaskan di sini bahawa kerajaan tidak pernah memberikan keistimewaan keutamaan

kepada mana-mana syarikat atau mana-mana pihak untuk melaksanakan satu-satu cadangan projek lebuhraya/jalan raya yang akan diswastakan.

Lazimnya, jika cadangan penswastaaan dicadangkan oleh pihak kerajaan, syarikat-syarikat pemaju akan dipelawa mengemukakan cadangan mereka. Cadangan akan diteliti oleh jawatankuasa penswastaaan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri berasaskan kepada kriteria-kriteria teknikal, kewangan dan sosial yang telah ditetapkan oleh pihak jawatankuasa. Seterusnya jika didapati cadangan tersebut sesuai dan menepati kriteria yang ditetapkan, barulah pihak jawatankuasa membuat perakuan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang selalu datang ke Dewan Negara ini untuk menjawab soalan-soalan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. *[Tepuk]*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kegawatan ekonomi ini, jalan-jalan raya hendak diteruskan. Pada pendapat saya jalan-jalan yang sudah dibuat dan sedang dibuat kita teruskanlah. Kalau jalan-jalan yang belum lagi kita buat, dalam perbincangan, sedang hendak menandatangani perjanjian, tidak payahlah kita teruskan sebab duit-duit itu kita hendak, dalam keadaan sekarang ini.

Yang kedua, dalam kita membuat jalan-jalan raya baru ini, banyak sangat masalah timbul sekarang ini. Mereka bukannya berpiket, tetapi mereka telah pun meluahkan perasaan yang tidak senang hati - kedai-kedai mereka diruntuh, misalnya rumah bekas senator Encik Itam Wali telah pun dibongkar. Saya dapat dari surat khabar ini, kalau surat khabar tidak betul, tak betullah saya. Jadi saya tengok tilam dia, buku dia, barang-barang kemas dia, barang-barang yang berharga, saya nampak dalam gambar itu, sangat kasihan, bekas Ahli Yang Berhormat Senator kita, jadi tidak ada siapa pun yang berkata apa-apa. Dalam surat khabar saya terbaca, tidak ada bagi notis, tidak ada bagi tahu, jadi bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini.

Baru-baru ini saya baca pula di Penchala, tanah rizab Melayu diambil untuk membuat jalan raya ini. Saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, berapakah tanah rizab Melayu di Kuala Lumpur dan di Selangor, boleh jadi Selangor tidak boleh kita jawab, barangkali di Kuala Lumpur, berapakah tanah rizab Melayu yang telah diambil untuk dibuat jalan raya? Adakah tanah rizab Melayu diganti dengan nilai yang sama dengan harga yang ditetapkan kepada Tanah di Penchala? Tiga puluh enam ekar lebih barangkali, kalau saya tidak salah. Jadi adakah ini dapat kami tahu, berapa setakat ini, adakah ditambah atau adakah rizab Melayu itu dikurangkan?

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf di Pahang kami pastikan bahawa rizab Melayu mesti digantikan dengan nilai yang sama. Jangan digantikan di dalam hutan dan tidak ada harga.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita mencapai kemerdekaan, kita tidak ada lebuhraya, tidak ada kemudahan-kemudahan seperti sekarang. Kerajaan British tidak memberikan apa-apa kemudahan kepada kita. Jadi daripada tahun 1957 barulah kerajaan kita mengadakan beberapa rancangan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti ini. Jadi jikalau kita mahu juga melicinkan perjalanan atau untuk mengadakan satu infrastruktur yang baik, saya percaya kita mesti korbankan sedikitlah. Tanpa pengorbanan manusia tidak boleh hidup dalam dunia ini. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' atas soalan itu, tetapi jawapan daripada saya iaitu perkara ini sudah ditimbang beberapa kali. Jemaah Menteri pun telah berbincang, bukan satu atau dua kali - Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah minta

Kementerian Kerja Raya dan Unit Perancang Ekonomi untuk berbincang beberapa kali dengan pihak-pihak tuan punya tanah itu. Jadi pada akhirnya kita memutuskan untuk mengadakan jalan.

Selain daripada itu, satu perkara telah dibincangkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi iaitu Kerinchi Link. Ini adalah satu perkara yang kita sedang menghadapi masalah. Pada hari ini pun Jemaah Menteri, beberapa Menteri telah membangkitkan isu ini oleh kerana mereka ada sedikit kaitan dengan tanah ini. Tetapi saya suka memberi sedikit penjelasan kepada Dewan yang mulia ini. Jikalau kita tidak ada apa-apa infrastruktur dan jalan seperti ini di dalam kawasan-kawasan yang dipunyai oleh orang Melayu atau rizab Melayu, macam manakah harga tanah itu boleh naik.

Banyak di antara estet telah memberi tanah mereka dan pada akhirnya harga tanah naik lagi. Jikalau kita ada jalan ini saya percaya kaum bumiputera yang sedang menduduki dalam kawasan itu, harga tanah mereka bertambah 15 atau 20 kali. Ini bererti ekonomi mereka pun bertambah lagi. Janganlah kita ada jalan-jalan di tempat-tempat yang orang lain boleh jadi kaya, Melayu tidak boleh jadi kaya. [Ketawa]. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ini adalah lebih sesuai untuk mengadakan jalan ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, jawapannya itu sungguh memberangsangkan. Kita terima hakikat bahawa pembangunan itu akan berlaku dan mesti kita sanggup terima apa juga perubahan. Tidakkah kerajaan bercadang untuk memindahkan kampus induk di Universiti Malaya itu kepada satu tempat lain yang sesuai. Bangunan yang sedia ada itu digunakan oleh jabatan/agensi lain yang sesuai.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi, kita tidak mengambil banyak tanah daripada Universiti Malaya hanya di tepi pagar Universiti Malaya sahaja jalan ini diletakkan. Satu lagi Yang Berhormat Dato' telah mengemukakan soalan tadi, bolehkah kita memindahkan universiti daripada kawasan yang sedia ada. Saya percaya itu akan mengambil perbelanjaan lebih kurang RM1 bilion atau 2 bilion. Tempat yang ada - Universiti Malaya sekarang, saya percaya lebih sesuai untuk semua orang. Oleh kerana saya percaya kita jangan menjejaskan apa-apa pentadbiran universiti tetapi di luar universiti sahaja kita mengadakan jalan dan jajaran baru jalan

**Dr. Yeow Seng Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, iaitu pada pagi ini saya lihat dalam surat khabar *New Straits Times*, Menteri Kerja Raya akan mengumumkan kadar baru untuk KL-Karak Highway. Kita penduduk di negeri Pahang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri yang telah menyediakan satu jalan baik untuk kita. Satu jalan yang, bagus dan selamat untuk penduduk-penduduk negeri Pahang tetapi kadar yang dinaikkan pada pagi ini, walaupun dalam surat khabar menyatakan selepas mesyuarat Jemaah Menteri, Menteri akan umumkan kadar, tetapi yang diberi kepada kita iaitu pada masa sekarang untuk sebuah kereta kita bayar \$2.40 - ini akan naik kepada \$6.60. Untuk lori akan naik daripada \$4.80 kepada \$13.20. Untuk lori besar daripada \$7.20 akan naik kepada \$19.80.

Dalam ekonomi yang meleset pada masa sekarang, saya haraplah Menteri Kerja Raya boleh pertimbangkan kadar ini yang akan diumumkan. Kita tidak nafikan bila jalan baru dibina tol kena dibayar, tetapi bagilah satu kadar yang munasabah. Bukan naik 2.75 kali ganda.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini tidak ada berkaitan dengan soalan asal, tetapi ada berkaitan dengan kementerian saya, jadi saya terima soalan itu. Pertama, jalan lama iaitu jalan Kuala Lumpur-Karak dengan sebelah dua lorong, dengan 150 selekoh. Setakat ini saya percaya lebih dari 2,000 atau 3,000 orang sudah maut dalam kemalangan di jalan raya itu. Jalan barunya kita ada dua seksyen, pertama; iaitu 19 km, kita ada dua hala, 6 lorong dan juga selain daripada itu kita ada dua terowong sekarang, bukan satu sahaja seperti dulu dan daripada terowong ke Karak, kita ada juga jalan dengan dua hala, empat lorong. Jadi, kita ada juga beberapa persimpangan bertingkat; persimpangan bertingkat Genting,

persimpangan bertingkat Universiti Islam Malaysia dan juga persimpangan bertingkat Bukit Tinggi dan lain-lain.

Mula-mulanya jalan itu adalah jalan lama daripada Kuala Lumpur ke Bentong sahaja, sekarang kita lanjutkan sehingga ke Karak, harganya lebih dari RM1.6 bilion. Dulunya 3 sen sekilometer, jikalau kita ikut dengan lebuh raya yang ada sekarang, kita bayar 10.5 sen, itu pun jalan terus sahaja, tetapi ini jalan dengan terowong, jalan dengan bukit-bukau, oh, berapa banyak kerja. Semua sudah selesai, harga RM1.6 juta. Oleh kerana itu, kita kenakan tol, tol baru iaitu 11.11 sen sekarang. Jadi, mula-mula mereka bayar dari Gombak ke Genting, RM1.90 sen, sekarang dikenakan RM4.40. Selain daripada itu, dulu RM1.50, sekarang jadi RM2.00, jadi RM6.40. Tapi tol lama itu, RM2.60, tetapi saya percaya Ahli Yang Berhormat mengambil perhatian.

Mengenai berapakah peruntukan atau wang syarikat itu telah dibelanjakan untuk mengadakan kemudahan seperti itu, saya percaya juga, dengan jalan baru ini, pembayaran itu pun bukan tinggi. Oleh kerana mula-mulanya, Jemaah Menteri telah memutuskan untuk mengenakan tol RM5.20. Kementerian telah mengambil tindakan untuk mengurangkan 0.60 sen lagi. Saya percaya pada masa akan datang, bila ada permintaan sahaja kita akan kurangkan. Jangan kita sendiri kurangkan. Kalau kita sendiri kurangkan, tak ada laku. [Ketawa]. Saya sendiri pun sudah kurangkan, lebih daripada 60 sen untuk memberi lebih kemudahan kepada pengguna-pengguna jalan. Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, jalan ini saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat kena ikut jalan sekali boleh dapat tahu apakah kemudahan, berapakah perbelanjaan telah dibelanjakan.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita dapat dengar permasalahan dan jawapan tadi, tetapi saya masih prihatin dengan keluhan hati Dato' Zuki mengenai Kerinchi Link. Jadi soalan saya, ada dua di sini:

- (i) apabila kita teruskan projek yang sedang dibincangkan tadi, apakah negatifnya jika projek itu tidak diteruskan?; dan
- (ii) selama mana target Kementerian Kerja Raya untuk mengutip tol kepada pengguna sepanjang jalan raya ini ataupun lebuh raya ini. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menimbang perkara ini lebih daripada tiga setengah tahun oleh kerana Jalan Persekutuan yang sedia ada iaitu daripada Subang ke Kuala Lumpur sedang mempunyai jumlah trafik sehari iaitu 730,000. Bukannya satu, dua kenderaan, tetapi 730,000, kita mesti mengadakan jalan-jalan alternatif untuk memperbaiki keadaan atau mengatasi kesesakan lalu lintas yang sedia ada di atas jalan. Oleh kerana itu, jalan ini khas daripada Kerinchi Link lebih penting kepada kita untuk menyambung Kerinchi Link kepada Damansara. Daripada Damansara, kita ke arah utara, tanpa kita masuk ke bandar baru, Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi, ini semua sudah ditimbang.

Yang kedua, berkenaan dengan tol di atas jalan itu, belum ditetapkan. Saya tidak tahu berapakah kadar tol itu.

#### IKLAN KOMERSIAL DI TV - JUMLAH KUTIPAN

4. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) berapakah kutipan yang diperolehi daripada iklan-iklan komersial di stesen televisyen tempatan (TV1 dan TV2); dan
- (b) memandangkan bahawa terdapat banyak iklan komersial yang disiarkan di televisyen tempatan, adakah kementerian bercadang untuk mengurangkan atau menghapuskan bayaran lesen televisyen sama sekali.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, purata kutipan dalam tahun 1994

hingga 1997 yang diperolehi daripada iklan, di TV1 dan TV2 ialah RM106.4 juta dan RM209.8 juta masing-masing. Purata ialah RM316.2 juta.

Mengenai soalan kedua, pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengurangkan ataupun menghapuskan bayaran lesen alat penerimaan siaran televisyen. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kadar bayaran sekarang sebanyak RM24.00 setahun yang telah dikuatkuasakan semenjak tahun 1964 adalah berpatutan.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah garis panduan pengiklanan komersial yang dikenakan oleh pihak kementerian untuk memastikan iklan-iklan komersial yang disiarkan tidak menyalahi tatasusila etika atau agama pelbagai kaum di negara ini. Terima kasih.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai kod dan pengiklanan, tentulah code ini berlandaskan kepada tidak adanya unsur seks, violence, counter culture dan juga yang boleh memudaratkan nilai yang terdapat dalam masyarakat Malaysia atau masyarakat Timur khususnya.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini siaran saluran TV2 terutama di bahagian pedalaman Sabah, nampaknya sering terganggu dan ada yang langsung tidak mendapat siaran. Apakah kementerian mengetahui hal ini dan apa tindakan telah diambil dan adakah sebarang potongan atau rebat untuk pembayar-pembayar lesen kepada kawasan-kawasan di mana mereka tidak mendapat siaran langsung, tetapi mereka memiliki peti-peti TV. Terima kasih.

**Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan rebat sama sekali. Kita menganggap bahawa kutipan lesen sebanyak RM24.00 itu adalah cukup memadai, namun demikian, bagi kawasan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat di Sabah dan Sarawak, terdapat bukit-bukau, usaha sedang dibuat untuk memasang pemancar yang lebih canggih, apabila keadaan ekonomi mengizinkan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pihak kerajaan sekarang ini begitu yakin untuk hendak menyampaikan hasratnya kepada rakyat jelata, terutama sekali dalam isu kegawatan ekonomi dan isu-isu lain, adakah pihak kerajaan berhajat untuk menentukan bahawa TV1 misalnya, tidak langsung mempunyai iklan, kita khusus kepada penyiaran dari segi hendak menyampaikan hasrat kerajaan, dasar-dasar dan sebagainya dan kita tumpukan iklan-iklan ini kepada TV2 sahaja. Bererti kalau sekiranya sekarang ini pendapatan 106.4 juta kepada TV1 seperti yang saya dengar tadi, mungkin kita boleh perbanyakkan iklan daripada TV2, tetapi sampai TV1 khusus bagi pihak kerajaan menyampaikan hasrat kerajaan, dasar-dasar kerajaan kerana terlalu banyak dakyah yang cuba hendak memutarbelitkan dasar-dasar kerajaan, terutama sekali di luar negara. Jadi, kalau ada TV1 khusus untuk menyampaikan mesej kerajaan, saya yakin ianya lebih berkesan dan kalau tak salah saya di UK, BBC satu masa dulunya, memang tidak ada iklan-iklan tetapi khusus untuk mesej-mesej yang tertentu sahaja.

**Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Bagaimanapun, tentulah iklan di dalam TV1 dan 2 merupakan sumber 'revenue' yang sangat diperlukan oleh kerajaan khususnya Kementerian Penerangan. Oleh kerana itu, tidaklah niat kerajaan untuk tidak mengadakan iklan di TV1 seperti yang disebut oleh Yang Berhormat.

#### LAWATAN MENTERI LUAR THAILAND KE MALAYSIA - ISU PERBINCANGAN

5. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkara-perkara tajuk utama yang dibincangkan dengan Menteri Luar Negara Thailand semasa lawatan ke Malaysia, hasil-hasil yang tercapai bersama Menteri Luar terutamanya asas pembangunan Kawasan Segitiga, IMTGT, khususnya pembangunan

fizikal dan keselamatan negeri-negeri semenanjung yang bersempadan dengan selatan Thailand. Apakah isu Pertubuhan Pembebasan Bersatu Pattani (PULO) turut diperbincangkan. Jika ada, apakah pandangan dan pendirian Thailand terhadap PULO.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan Menteri Luar Thailand ke Malaysia, kedua-dua Menteri Luar Negeri telah menumpukan perhatian kepada isu-isu dua hala. Menteri Luar Thailand telah mengutarakan cadangan menubuhkan sebuah Tabung Pembangunan Sumber Manusia di bawah rangka kerja IMT-GT bagi membantu mereka yang tinggal di kawasan-kawasan IMT-GT mendapatkan pendidikan tinggi. Jadi, berhubung dengan masalah-masalah di selatan Thailand yang dihadapi oleh kerajaan Thailand, Malaysia telah mengambil kesempatan lawatan Menteri Luar Negeri Thailand itu untuk mengulangi pendiriannya bahawa ini adalah satu isu domestic negara Thailand. Malaysia juga telah memaklumkan pendirian bahawa Malaysia tidak membenarkan kawasan Malaysia digunakan untuk aktiviti yang bertujuan menimbulkan kekacauan dan masalah kepada mana-mana jiran Malaysia.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya soalan tambahan mengenai dengan cadangan perbincangan penubuhan Tabung Pembangunan Sumber Manusia untuk tujuan pendidikan tinggi, adakah Menteri Luar Negeri berbincang dengan pihak Thailand, antara lainnya macam mana hasil-hasil pertanian di Thailand itu menjadi. Tanaman di negeri Thailand, buah-buahan menjadi, manakala kita tidak menjadi, macam pokok-pokok buah-buahan. Adakah bincang benda-benda macam ini. Saya nak tanya? Terima kasih. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu, tidak termasuk dalam perbincangan itu. Tetapi, kalau kita ada kerjasama di peringkat pertanian dan teknologi di antara negara-negara ASEAN dan menerusi dua hala, kita dapat berkongsi ilmu dalam teknologi ini.

**Dato' Charern Intachat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kini waktu tutup sempadan adalah pukul 10.00 malam, adakah cadangan untuk waktu ini dilanjutkan ataupun disingkatkan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, kita belum ada cadangan untuk menukarkan masa itu, tetapi perkara ini selalu diutarakan dalam perbincangan sempadan dan dua hala antara Malaysia dan Thailand dan pada masa kini saya katakan cadangan untuk mengubahkan belum ada.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Soalan tambahan. Saya ingin pihak kerajaan dapat menerangkan dengan cara lebih detail atau lebih teratur sedikit, apakah matlamat dan apakah cara penubuhan Tabung Pemangunan Sumber Manusia ini?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, ini adalah satu konsep yang telah diilhamkan masa pertemuan kedua-dua Menteri Luar dan perbincangan mengenai secara 'detail' dan cara mengendalinya adalah masih dalam peringkat perbincangan, tetapi yang pentingnya ini ialah satu perkara yang dapat usaha Malaysia dan Thailand bekerjasama di kawasan sempadan dan juga selain dari pembangunan infrastruktur dan pembangunan ekonomi, satu-satunya pembangunan sumber manusia ini didapati, adalah juga satu sumbangan yang besar terhadap pembangunan di kawasan-kawasan sempadan.

#### LALUAN KEDUA MALAYSIA - SINGAPURA KADAR BAYARAN TOL

6. **To' Puan Wan Asiah binti Ahmad** minta Menteri Kerja Raya menyatakan semenjak Link Kedua Malaysia - Singapura beroperasi pada 18 Mac, 1998 kenapa kurang sambutan dari kenderaan-kenderaan dan adakah mungkin disebabkan terlalu tinggi bayarannya atau atas sebab-sebab lain.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat Senator Puan Faridah bt. Abu Hassan yang dijadualkan pada 18 Mei 1998, kerana saya mendapati kedua-dua soalan yang dikemukakan hampir sama iaitu mengenai kadar bayaran tol aliran trafik yang rendah di Laluan Kedua Malaysia - Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laluan Kedua Malaysia - Singapura telah dibuka kepada lalu lintas sejak 2 Januari 1998 lagi. Walau bagaimanapun bayaran tol hanya dikuatkuasakan pada 17 Mac 1998. Upacara perasmian jambatan Laluan Kedua telah dilakukan bersama oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Singapura pada 18 April 1998.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan di sini bahawa daya maju projek dengan izin, viability, kos pembinaan, ramalan bilangan trafik, kos kewangan dan beban kewangan kepada pengguna adalah antara kriteria utama yang telah diambil kira oleh kerajaan dalam menimbangankan kadar bayaran tol di Laluan Kedua. Seperti saya telah maklumkan ketika mengemukakan kadar bayaran tol di Laluan Kedua ini, kadar yang dikenakan sebenarnya telah diturunkan antara 22% hingga 62% berbanding dengan kadar asal yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Kadar bayaran tol ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 4 Mac 1998. Kerajaan berpendapat kadar bayaran tol yang dikenakan sekarang adalah berpatutan setelah mengambil kira kriteria-kriteria yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari bilangan trafik yang menggunakan Laluan Kedua adalah rendah berbanding unjuran ramalan yang telah dibuat. Antara faktor yang dikaitkan berhubung dengan kurangnya sambutan pengguna adalah kadar bayaran tol yang agak tinggi dan jarak perjalanan yang agak jauh.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Laluan Kedua baru sahaja beroperasi, kerajaan yakin keadaan ini akan berubah ke arah yang lebih positif dalam jangka panjang. Berdasarkan pengalaman yang lalu di jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya Utara - Selatan. Bilangan trafik akan meningkat apabila pengguna-pengguna menyedari kadar bayaran tol yang dikenakan sebenarnya tidaklah begitu membebankan sekiranya diambil kira kemudahan canggi yang disediakan di Laluan Kedua ini, keselesaan yang dinikmati dan penjimatan masa perjalanan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih di atas penjelasan dan juga penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tadi. Cuma, saya ingin bertanya kerana bayaran tol yang melibatkan Link Kedua di antara Malaysia dan Singapura melibatkan sebuah negara asing. Kita dapati penggunaannya begitu berkurangan daripada apa yang dijangkakan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian pernah membuat kajian mengenai kadar tol yang dikenakan di negara kita berbanding dengan kadar tol yang dikenakan di negara-negara luar kerana pada pandangan saya di negara-negara luar lebuhraya ini telah lama diwujudkan dan bayaran tol yang dikenakan bagi sesetengah negara tidak semahal di negara kita. Adakah pihak kementerian pernah membuat perbandingan dan juga membuat kajian mengenai kadar tol yang dikenakan di negara kita.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan Link Kedua mengandungi beberapa projek iaitu pembinaan jambatan panjangnya 2 kilometer, daripada 2 kilometer itu 1.7 kilometer dibina oleh kita, 0.3 kilometer sahaja dibina oleh Singapura. Yang kedua, kita telah membina 46 kilometer lebuhraya baru dan ada juga 3 persimpangan bertingkat dengan taraf antarabangsa, tiap-tiap itu pun berharga sudah jadi lebih dari RM190 juta. Selain daripada itu jikalau kita banding dengan kadar-kadar tol yang dikenakan di negara-negara yang lain, saya percaya kadar tol yang dikenakan di negara kita paling rendah. Jikalau kita banding dengan Jepun,

saya percaya daripada Narita kita balik ke Tokyo, kita kena bayar dekat RM120. Di sini saya belum tabulah berapa kita kena. Sekarang kita pergi pun lebih kurang RM8 atau RM9 sahaja kita bayar untuk Kuala Lumpur International Airport (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur) itu pun belum ditetapkan lagi.

Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan sedikit iaitu Link Kedua seperti aduan yang kita terima daripada rakyat Malaysia, mereka kata tol ini agak tinggi oleh kerana mereka bayar lebih daripada RM55. RM55 termasuk bayaran di Singapura, itu bukan wang kita. Kami, dia bayar sedikit sahaja 1/3 sahaja. Apa dia bayar di Singapura pun dia kira. Masuk ke Singapura sahaja, dia bayar S\$30 untuk mendapat satu lesen untuk masuk ke Singapura. S\$30.00 bererti RM75. Senyap sahaja dia bayar. Balik sahaja, dia hentam kita balik. Bayar RM8, RM12, dia bunyi-bunyi, bila masuk ke Singapura diam sahaja. Dia minta RM50, ambil tuan saya bayar. Apa ini.  
[Ketawa]

#### **TENTERA DI BOSNIA-HERZEGOVINA JUMLAH PERBELANJAAN**

7. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa lamakah lagi askar-askar kita akan berada di Bosnia-Herzegovina dan jumlah perbelanjaan yang akan diperlukan dan sejauhmanakah setakat ini kita telah dapat membantu menguatkuasakan terma-terma Perjanjian Dayton.

**Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, penglibatan angkatan tentera Malaysia masa kini di Bosnia-Herzegovina di bawah Stabilization Force (SFOR) adalah seramai 790 anggota. Penugasan ini akan tamat pada akhir bulan Jun 1998. Kementerian akan mengurangkan penglibatan ATM selepas Jun 1998 pada bilangan anggota yang tidak melebihi 50 orang. Penglibatan tersebut adalah merupakan komitmen Malaysia terhadap usaha mencari perdamaian di Bosnia-Herzegovina. Perbelanjaan yang terlibat dianggarkan tidak melebihi RM7.3 juta bagi jangka masa 12 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif utama perjanjian damai Dayton adalah untuk mencapai keamanan di Bosnia-Herzegovina dan memulihkan keyakinan rakyat tempatan serta pembangunan semula infrastruktur dan institusi awam. Sebagai sebahagian daripada pasukan pengamanan di bawah SFOR penglibatan ATM telah menyumbang ke arah objektif tersebut.

#### **PENERAPAN NILAI POSITIF DAN PROGRAM KHUSUS - BELIA**

8. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) apakah program kementerian untuk melahirkan belia yang ada jati diri, berdaya tahan dan menerapkan nilai-nilai positif di dalam jiwa dan tindak-tanduk mereka; dan
- (b) apakah pihak kementerian telah mengatur program khusus untuk memulihkan belia-belie yang telah dikenal pasti rosak akhlak serta menganjurkan sesi kaunseling kepada mereka untuk mengembalikan mereka ke jalan yang benar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:**

- (a) Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah melaksanakan beberapa program khusus untuk generasi belia bagi melahirkan belia yang mempunyai daya tahan, jati diri dan nilai-nilai positif dalam kehidupan. Antara program-program tersebut ialah:-

- (i) Program Khidmat Sosial Negara yang merupakan program perintis, dilaksanakan di seluruh negara yang melibatkan lebih kurang 1,000 belia lepasan sekolah yang menekankan kepada aspek-aspek sahsiah, motivasi, akhlak-akhlak mulia, kerjaya dan kepimpinan serta semangat patriotik;
  - (ii) Program Bina Sahsiah dan Jati Diri Kepimpinan yang melibatkan 75 program di seluruh negara dengan penekanan khusus kepada nilai-nilai mulia dan kekeluargaan;
  - (iii) Program Motivasi Perdana yang dilaksanakan di setiap negeri dengan menekankan kepada nilai-nilai motivasi diri dan jati diri belia dalam pembangunan masyarakat kini dengan pendekatan-pendekatan yang lebih menarik perhatian dan minat golongan belia dan remaja; dan
  - (iv) Program Patriotik Negara yang dilaksanakan di setiap negeri dengan memberi fokus khusus kepada semangat patriotik dan jati diri kepimpinan. Pelaksanaan secara khemah kerja, bengkel-bengkel, kem-kem bina semangat dan sebagainya mendapat sambutan baik daripada golongan belia.
- (b) Pihak kementerian dengan kerjasama agensi-agensinya yang berkaitan dan badan-badan NGO telah merancang dan melaksanakan pelbagai program pemulihan belia-belia bermasalah. Antaranya program rakan muda, program kaunseling yang diadakan di seluruh negara, program motivasi dan bina sahsiah kekeluargaan dan kepimpinan, khemah kerja ibadat, program Taqwim Islam seperti Maal Hijrah, marhaban belia, rakan masjid, program ibadat korban dan sebagainya. Program-program ini dilaksanakan secara berjadual di seluruh negara dengan kerjasama badan dan agensi yang berkaitan. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Agama Islam melalui pusat-pusat serenti dan pusat-pusat pemulihan akhlak juga telah memainkan peranan yang cukup besar dan berkesan dalam hal ini. Kementerian bersama-sama bekerjasama dalam menangani semua masalah yang diutarakan. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak ucapkan tahniah daripada Kementerian Belia dan Sukan kerana banyak sangat program dan mewujudkan program yang semestinya akan melahirkan generasi yang mempunyai jati diri, belia yang tahan dan sebagainya.

Soalan saya, apa sudah jadi pada Rashid Sidek, yang telah pun diberikan berbagai-bagai hadiah oleh kerajaan negeri Selangor kerana keterampilannya di dalam bidang badminton, tetapi pada saat-saat tertentu apabila kita hendak mengemukakan Rashid Sidek untuk meneruskan kegiatannya dalam Thomas Cup, dia boleh membuat pilihan, lebih hebat daripada pilihan negara. Tetapi pada masa yang sama, Rashid Sidek mahu bermain di Commonwealth Games kerana mungkin dia mendapat piala emas. Jadi, di manakah letaknya kesilapan kita untuk hendak melahirkan mereka yang benar-benar mempunyai jiwa patriotisme kepada negara.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, salahnya adalah kerana ramai di antara kita termasuklah pemimpin-pemimpin di kawasan ahli-ahli atlet kita mereka tidak mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh kementerian. Saya yakin kalau semua yang terlibat sama ada Menteri atau Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau mengambil perhatian, memberi sokongan yang baik kepada program-program ini, insya-Allah masalah seperti yang dihadapi oleh Rashid Sidek tidak akan terjadi.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sejauh manakah keberkesanan setakat ini setelah usaha bersungguh-sungguh yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan dalam semua program-program yang tersebut.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian berpendapat bahawa program-program kita begitu berkesan walaupun ingin saya tegaskan di sini, bahawa kita tidak ada satu cara empirikal yang boleh kita kira sama ada program itu suksesnya seberapa, tetapi kalau kita tengok secara umum, alhamdulillah ada kejayaan dalam program-program kita.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam kementerian menggubal dasar-dasar terhadap belia, setakat manakah belia yang dikatakan sebenar-benar belia itu dirundingi, mendengar pandangan mereka supaya dasar-dasar itu dapat menyesuaikan dengan perkataan budak belia ini, apa? 'Vibes', getaran jiwa mereka, kerana mungkin Menteri akan menjawab. Kita sudah runding dengan Belia 4B dan sebagainya tetapi minta maaf Dato' Ali, pemimpin 4B pun sudah agak jauh perbezaannya dengan belia yang sebenarnya. Jadi, adakah [Ketawa] minta maaf, 'that's a fact' dari segi umur dan dari segi cara hidup dan sebagainya. Jadi, setakat manakah benar-benar belia ini dirundingi, dapat mendengar pandangan mereka dapat merasai kehendak mereka supaya dasar-dasar kita benar-benar dapat memenuhi apa yang diperlukan oleh belia sebenarnya, bukan persatuan.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya, Ahli Yang Berhormat pun adalah salah seorang pemimpin terkanan di persatuan belia. Walau bagaimanapun, saya ingin nyatakan di sini bahawa mengikut takrifan/definisi belia, adalah di antara umur 15 hingga ke 40 tahun, tetapi mungkin ada setengah orang itu, dia umur 25, mungkin dia dah tidak ada belia dan remajalah, ada setengah umur 50 pun, dia masih remaja. [Ketawa] Jadi kita nak tengoklah citarasa tu, Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Umur 70 tahun ke atas apa macam? [Ketawa]

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Itu belia terlanjut sedikit. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak kebenaran dari apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kami di kementerian memang selalunya merujuk, berbincang kepada belia-belia terutamanya pemimpin-pemimpin persatuan belia. Oleh kerana co-business Kementerian Belia dan Sukan adalah untuk mengawasi pergerakan-pergerakan persatuan-persatuan ini, jadi saya rasa mungkin ini adalah satu indikator kepada semua pemimpin di persatuan-persatuan belia, mungkin mereka nak memikir kembali kalau sudah, katakanlah umur 60 itu masih mudalah sekarang ya Tuan Yang di-Pertua, kalau dah lebih tu, mungkin masanya sudah tiba untuk mereka memberi peluang kepada belia-belia yang ada.

Walaupun bagaimanapun, saya menaruh keyakinan bahawa setakat ini, pemimpin-pemimpin belia yang ada, walau umurnya agak terlanjut, getaran jiwanya masih - apa orang kata mengunjurkan ke darah muda. Okey, alhamdulillah setakat ini, tetapi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, moga mesej ini sampailah kepada pemimpin-pemimpin persatuan belia yang ada. Terima kasih.

#### PROGRAM BINA NEGARA – KAKITANGAN KERAJAAN

9. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan pelaksanaan program bina insan dan bina negara yang dianjurkan oleh Biro Tata Negara sehingga kini sila nyatakan jumlah kakitangan kerajaan yang telah mengikuti program tersebut di sepanjang tahun 1996 dan 1997. Tidakkah kerajaan bercadang untuk merombak kurikulum kursus yang dijalankan selama ini bagi menyesaikannya dengan keadaan semasa.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kakitangan kerajaan yang telah mengikuti Program Bina Negara sepanjang tahun 1996 adalah seramai 7,900 orang dan bagi tahun 1997 seramai 8,200 orang.

Sukacita dimaklumkan bahawa kurikulum Program Bina Negara adalah sentiasa dikemaskinikan bagi menyesuaikan dengan kehendak dan perubahan semasa. Setiap kajian semula akan dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelaras Latihan Sikap yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk diluluskan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam keadaan kegawatan ekonomi yang melanda rantau Asia sekarang ini, kita melihat bahawa pelajar-pelajar di Indonesia telahpun menunjukkan perasaan, ini berlaku kerana kemungkinan dalam keadaan mereka sebagai pelajar mempunyai darah muda, mereka hendak melihat negara mereka dalam keadaan yang terbela, mungkin juga mereka mendapat maklumat-maklumat yang tidak tepat mengenai negara mereka. Saya juga bimbang di negara kita menghadapi kegawatan ekonomi dan sehingga masa kini kita dapati walaupun usaha-usaha dibuat bersungguh-sungguh, tetapi kita belum lagi dapat memulihkan sepenuhnya.

Apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk memberikan kursus-kursus ketatanegaraan supaya pemimpin-pemimpin pelajar di negara kita daripada universiti-universiti ini faham dan mengetahui sebenarnya keadaan negara kita supaya mereka tidak terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang tidak sihat sehingga mereka bertindak di luar kawalan dan juga menjatuhkan imej negara. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, rakyat Malaysia memahami hakikat sebenar kegawatan ekonomi negara kita dan yakin dengan kepimpinan negara kita, maka rakyat kita tidak berdemonstrasi. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa memang adalah menjadi salah satu kumpulan sasaran untuk kita menyampaikan dasar-dasar kerajaan dan juga pandangan-pandangan yang baik terhadap pemimpin-pemimpin pelajar ini.

Kita telah mengadakan perbincangan untuk menentukan hala tuju program Biro Tata Negara di mana kita telah memanggil semua pemimpin pelajar di universiti tempatan untuk sama-sama membincangkan apakah program yang mereka kehendaki? Jadi ini kita jalankan bersama-sama dengan mereka kerana kita yakin bahawa mereka adalah sebagai pemimpin masa depan yang harus mengetahui dasar-dasar kerajaan, permasalahan dan penyelesaiannya, Insya-Allah.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan tahniahlah kepada Jabatan Perdana Menteri kerana menganjurkan kursus-kursus yang amat berfaedah ini. Saya ingin hendak bertanya sebagai soalan tambahan, di dalam kita menghadapi kegawatan ekonomi dan masalah air, kita nampak dari segi pengurusan pihak tertentu, agensi tertentu tidak begitu proaktif terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata.

Jadi adakah pihak kerajaan menerusi program ini mempunyai satu program khusus bagi satu pakej untuk mendedahkan pegawai-pegawai tertentu kepada pengurusan krisis (crisis management) seperti yang dinyatakan oleh Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini. Saya nampak memang perlu sangat perkara ini diwujudkan, jadi macam manakah pakej yang hendak diolah oleh pihak Jabatan Perdana Menteri bagi menentukan pegawai-pegawai kita dapat berdepan dengan segala isu yang datang mendadak dengan secara penyelesaian yang baik.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Biro Tata Negara ditugaskan untuk menjalankan kursus tentang pembangunan diri, harga diri, penghayatan nilai-nilai murni, progresif dan juga seperti amanah, cekap dan sebagainya. Tetapi ini termasuklah dalam apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, sebahagian kecil kemungkinannya dapat kita membangkitkan rasa tanggungjawab daripada kakitangan kerajaan yang menyertai

program ini dan memang kita telah melihat kejayaan bagi pegawai kerajaan yang menyertai program ini selepas mereka kembali, mereka lebih aktif, berasa lebih bertanggungjawab dan menjalankan tugas dengan lebih baik dan komited tentang kejayaan yang dilaksanakan dan tugas yang diberikan kepada pegawai berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Mulut telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 10 hingga 34 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

### USUL

#### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesembilan.”[12 Mei 1998]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim diminta sambung.

3.40 ptg.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Semalam saya di dalam perbahasan menyokong ucapan Usul Titah Diraja dan hari ini bagi menyambung ucapan tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya sedang membicarakan soal pengaliran keluar mata wang Malaysia dalam usaha kita hendak menangani masalah kegawatan ekonomi.

Semalam saya ada menyebut dan saya akan sambung di mana saya menyoal, apakah tindakan kerajaan terhadap pihak yang mengimpot barangan tanpa mengemukakan permohonan untuk pengimpotan tersebut kepada MITI terlebih dahulu? Terutama bagi pengimpotan barangan di mana barangan yang sama terdapat pembuatannya di dalam negeri. Contohnya macam-macam barang telah dibuat dalam negara kita ini dan tidak perlu lagi kepada pengimpotan, contohnya marble, curtain, air-condition (chiller) macam-macam lagi barang-barang tempatan.

Perkara yang keempat, sekiranya ada rakyat yang ingin membuat laporan akan sebarang perbuatan pengimpotan tanpa dirujuk terlebih dahulu kepada MITI, kerana ianya bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan yang saya sebutkan semalam, kepada pihak manakah patut dilaporkan supaya pengimpotan tersebut dapat dibatalkan dengan segera dan dengan itu dapat menyekat pengaliran keluar mata wang Malaysia. Ini penting, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan?

Saya ingin mencadangkan supaya MITI dan Kementerian Kewangan mewujudkan satu jawatankuasa ‘watchdog’. ‘Watchdog’ di mana bukan sahaja para usahawan tetapi orang ramai, rakyat Malaysia boleh membuat pengaduan pada bila-bila masa sahaja jika mereka dapati ada mana-mana pihak terutamanya yang

melanggar Arahan Perbendaharaan supaya mengutamakan barangan buatan tempatan dan mereka impot juga dari luar supaya mereka dapat membuat laporan dan tindakan segera dapat diambil. Saya boleh jadi pengerusi, saya menawarkan diri secara sukarela, tanpa bayaran. Sebab saya hendak membantu kerajaan supaya kita dapat menyelamatkan tidak sedikit wang yang mengalir keluar, tidak sedikit, cukup banyak Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu saya mencadangkan pihak MITI dan Kementerian Kewangan berhati-hati dengan pihak perunding, dengan konsultan ataupun pihak yang diberi tanggungjawab untuk mengurus projek, menyediakan pada peringkat permulaan 'architecture design' seumpamanya. Supaya menentukan spesifikasi itu menepati di mana barangan tempatan diberi keutamaan.

Saya membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab kita dapat menyelamatkan mungkin berbilion ringgit. Cuba kita bayangkan Tuan Yang di-Pertua, satu bangunan yang menggunakan hawa dingin yang diimpot daripada luar, chillers berapa harganya?

Pembinaan kampus-kampus universiti, oleh macam-macam agensi kerajaan sekarang ini tidak sedikit, walaupun kita hendak bina masjid, kita pastikan kita guna marble daripada Langkawi, tak payah lagi marble daripada luar. Kita pastikan kalau ada projek diberi kepada Jepun, kita pastikan Jepun pakai curtain buatan Malaysia, tak payah lagi Jepun impot daripada Jepun, sampaikan ke langsirpun kita bawa dari Jepun, ini cerita dahululah. Saya takut perkara ini masih berulang dan tidak sedikit wang kita mengalir keluar.

Ada dua aspek di mana wang kita mengalir dengan begitu banyak, tiga perkara, Tuan Yang di-Pertua:-

- (i) pengimpotan jentera-jentera untuk projek pembangunan termasuklah barang-barang yang saya sebutkan tadi;
- (ii) pengimpotan makanan;
- (iii) dari segi penghijrahan wang kita keluar akibat daripada ramai pelajar kita belajar di luar negeri.

Ini telah dapat di atasi, tidak ada masalah, tetapi masalah ini yang saya sebutkan tadi di mana mengikut Arahan Perbendaharaan SPP Bil.4/97 – *"Keperluan untuk mengimpot hanya dalam keadaan di mana barangan tersebut tidak terdapat sumbernya dari tempatan dan benar-benar mendesak dan sangat penting dan sekiranya perlu diimpot juga, mestilah mendapat kelulusan daripada pihak MITI."*

Persoalannya, sekiranya ada juga kalangan pegawai kerajaan yang mewakili jabatan mereka mengemukakan permohonan untuk mengimpot barangan yang terdapat sumbernya ataupun pembuatannya dalam negeri. Tidakkah ini menunjukkan kurang sikap cinta negara ataupun semangat patriotisme dalam diri pegawai tersebut dan kalau ini betul, apakah tindakan susulan kerajaan untuk mengatasi sikap sebegini? Ini yang saya hendak tanya, apakah tindakan pihak kerajaan dan juga apakah tindakan pihak kerajaan terhadap konsultan, konsultan ataupun perunding yang bertanggungjawab yang secara senyap-senyap menyeludup barangan buatan luar negeri dengan memberi berbagai alasan dan hujah kononnya tidak menepati justifikasi ataupun seumpamanya.

Saya mencadangkan jika terdapat konsultan yang demikian, maka mereka patut digurukan, disenaraihitamkan. Tidak boleh diberi muka, mereka mesti menunjukkan semangat patriotisme tetapi sekarang ini kerajaan banyak mengguna konsultan dalam mengurus banyak hal dalam projek pembangunan, maka sebab itulah saya berharap MITI dan juga Kementerian Kewangan perlu benar-benar proaktif dan perihatin menangani masalah ini dan cadangan saya diwujudkan apa yang dikatakan 'watchdog', ini penting. 'Watchdog' ini ialah badan bebas daripada luar, yang terdiri daripada pihak kerajaan menganggotainya, termasuk juga orang awam dan ahli-ahli politik termasuklah wakil-wakil pengguna yang boleh mereka buat laporan dan kita

dapat bertindak dengan cepat dan kita dedahkan kalau perlu, mana-mana pihak yang beriya-iyanya benar nak bawa masuk barangan luar manakala barangan tempatan itu ada yang boleh digunapakai, tak payah impot dari luar.

Saya dalam perbahasan Titah Diraja, saya menumpukan aspek ini sahaja, sebab kita hendak menangani masalah kegawatan ekonomi, di manakah ubatnya yang mana kita terpaksa mengawal wang kita keluar daripada negara kita dengan sebaik mungkin dan setegas-tegasnya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal dasar pertanian negara. Dalam hendak menangani masalah kegawatan ekonomi negara antara lain yang saya sebutkan tadi terdapat pengaliran wang yang banyak akibat dari pengimportan bahan-bahan makanan. Saya difahamkan RM10 ribu bilion setahun, ikan sahaja RM600 juta, bawang merah, bawang besar, ubi kentang, kambing, lembu, semua sekali kita import. Dan selama ini kerajaan sudah melancarkan apa yang dikatakan 'Buku Hijau' sebelum ini tetapi nampaknya kurang berjaya, tanah-tanah kita masih terbiar.

Saya pernah bercakap banyak kali di Dewan Negara ini, malah semasa menjadi anggota Dewan Rakyat dan jawapan daripada pihak Kementerian, insya-Allah, usaha-usaha sedang diambil, tindakan-tindakan sedang dibuat, tanah-tanah kita akan menjadi subur. Kalau tanya sekarang itulah jawabannya, tanya empat tahun dulu itulah jawabannya. Masih banyak lagi tanah-tanah terbiar, yang saya hairan Tuan Yang di-Pertua, kita berjiran dengan negara Thailand, kita tengok contoh negara Thailand, dalam mereka menghadapi kegawatan ekonomi Baht mereka juga jatuh, duit mereka juga jatuh tetapi yang bermasalah di kalangan usahawan sekitar kota raya Bangkok terutamanya property developers yang membina rumah-rumah, bangunan-bangunan ini tetapi rakyat umumnya tidak begitu gelisah, mereka tidak berhadapan dengan masalah inflasi sebab dasar pertanian negara Thailand begitu kukuh dan anggun sekali. Sebab itu kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, kita bergantung banyak kepada Thailand, buah durian - durian Thailand; buah mangga - mangga Thailand; beras - beras Thailand, terung -terung Thailand; cili pun cili Thailand .....

**Seorang Ahli:** Bukan Kelantan?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tak ada, Kelantan tak menjadi apa pun dah. Cili pun yang saya hairannya di Selatan Thailand dengan Kelantan bersempadan, di bawah cuaca yang sama dan tanah pun tidak ada banyak beza. Tetapi yang saya hairan kenapa tanaman di Thailand, pokok durian tidak sampai 5 kaki, ada buah, buah mangga besar-besar. Dato' Zuki, buah terung sampai kat lutut ni, cilinya pun menjadi. Saya berani menyatakan banyak bahan ini yang dijual di Chow Kit Road sebahagian besar datang daripada Thailand. Kenapa kita tidak boleh belajar daripada Thailand? Memang kita ada MARDI, saya naik hairan kenapa masalah program ekonomi, pembangunan ekonomi negara kita gagal sampai sekarang. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menyemak kembali ataupun merombak dengan secara agresif dasar pertanian negara dan kembali semula ke luar bandar selain daripada kita menumpu kepada pembangunan perindustrian dari segi pembangunan Multimedia Super Corridor, kita sudah buat bangunan pencakar langit, saya dah sebut semalam dan saya berfikir Tuan Yang di-Pertua, it is time pada kerajaan to go back to the luar bandar, balik semula ke luar bandar, seperti zaman Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu. Saya percaya kalau tidak ada rancangan-rancangan seperti FELDA yang dibuat beberapa tahun dahulu semasa pelancaran Dasar Ekonomi Baru mungkin ekonomi kita sudah makin lumpuh. Nasib baik harga kelapa sawit tinggi, pendapatan dari segi eksport kelapa sawit cukup banyak, syarikat-syarikat yang masih tidak terjejas dengan masalah kejatuhan saham ialah syarikat-syarikat yang berasaskan pertanian dan antara lain ialah kelapa sawit.

**Seorang Ahli:** RM2,400.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** RM2,400 satu metrik tan harga kelapa sawit. Jadi tanah kita masih banyak, jadi kita mesti semak semula dasar pertanian ini dan

Kementerian Pertanian kenalah proaktif daripada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimennya, KSUNya turun ke padang, tak boleh lembik. Kalau tak ada maya tak boleh, di dalam keadaan perang sekarang ini, kita hendak menteri-menteri yang turun ke luar bandar, bukan sekali sekala sahaja, enam bulan, tujuh bulan nampak dalam TV sekali, ada duduk di bawah pokok belimbing ataupun sedang menanam sayur di belakang rumah, mereka kena melawat tiap-tiap negeri, mengerahkan seluruh agensi kerajaan, agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian, banyak tidak sedikit, MADA ada, KADA ada, macam-macam, LPP ada, LKIM ada, cukup banyak, seorang pun tidak ada Kementerian Pertanian.... Setiausaha Parlimen ada, Menteri ada, Timbalan Menteri pun ada, memang pegawai-pegawai mungkin adalah.

Ini dalam masalah gawat kena dengar betul-betul saranan dan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negarakah, sebab saya cukup kecewa Tuan Yang di-Pertua, saya cakap terang-terang, saya cukup kecewa melihat perkembangan pertanian negara kita. Saya mengemukakan pandangan ini secara ikhlas, bukan macam orang PAS, kalau orang PAS kalau disebut dia bangun dah. Orang PAS ini kalau dia beri pandangan nombor satu dia riak, nombor dua dia takabur, nombor tiga dia sumaah, saya akan ceritakan kemudian nanti.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit, dari segi perbincangan ini adakah pandangan kita ini diambil perhatian oleh pihak kerajaan, sebab pada pandangan saya, tidak ada pihak kerajaan melainkan Ahli Senator sahaja yang ada, termasuk Ahli Senator yang menjadi seorang menteri tetapi ini Ahli Senate, Ahli Dewan Negara tetapi selain dari itu tidak ada di sini. Adakah mengambil perhatian di belakang [*sambil menoleh ke belakang*] Yang ini baik, yang wanita memang tentu baik tetapi selain daripada Yang Berhormat seorang ini, yang seorang ini Ahli Dewan Negara dia duduk belakang, saya ingatkan Menteri tadi. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, adakah mereka mengambil perhatian, kalau seorang Yang Berhormat sahaja saya rasa tidak cukup, ini ucapan Yang Berhormat sahabat saya ini sungguh baik sekali untuk kita dengar semuanya dan laksanakan termasuk apa yang saya cadang semalam, dia mengulang semula apa yang saya cadang semalam. [*Ketawa*] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Zuki Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya bagi laluan. Kalau mereka ada, saya tak sebut, kerana mereka tidak ada baru saya sebut.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat minta laluan ni.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, saya belum sebut lagi, saya sebut PAS pun dah bangun dah, belum sebut isi lagi. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Datuk Ibrahim kerana beri laluan kepada saya. Saya sebenarnya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dato' Zuki dalam ucapan beliau semalam secara terbuka di Dewan yang mulia ini memuji PAS secara terang-terang tetapi entah apa nasib PAS, anak Kelantan sendiri mengutuk PAS, setakat itu sahajalah. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya tidak memuji PAS, saya menceritakan air hujan turun di Kelantan, ada masa turun. [*Bunyi guruh*] Dah bunyi. Jadi mana yang baik itu baik juga, mana yang tak baik itu tak baik juga, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Dato' Zuki, dia tak tahu hal PAS Kelantan sebab dia orang Pahang, sama juga dengan Yang Berhormat orang Selangor, saya anak Kelantan jadi saya tahulah hal Kelantan. [*Ketawa*] Jadi itu saya buat pembetulan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian ini saya harap sungguh-sungguhlah dan saya difahamkan juga sebelum inilah, kalau sekarang mungkin tidaklah, Malaysia juga anggota FAO banyak kali menghadiri persidangan.

Conference di Rome dan juga lawatan-lawatan ke luar negara banyak dibuat untuk mengkaji itu, mengkaji ini. Saya cadangkan tak usah pergi jauhlah, Kementerian Pertanian kalau buat lawatan dekat-dekat, belanja pun murah, pergi ke Selatan Thailand sudahlah, cukuplah, kalau hendak belajar hal pertanian, tak payah pergi ke Germany, tak payah pergi ke Eropah, negara-negara lain, belajar dengan Thailand sudah. Betul belajar dengan Thailand sahaja. Mana ada buah durian, isi lebih besar daripada buah, belajar dengan Thailandlah tetapi kena turun ke padang, kena cergas, kena proaktif, kena bertenaga dan seluruh Malaysia, seluruh Semenanjung.

Dua hari lepas saya tengok Yang Berhormat Menteri Pertanian ada di Kelantan, merasmikan 'Satu Produk Satu Kampung'. Tahniahlah, lama saya ingat saya menunggu Menteri Pertanian pergi ke Kelantan, kemudian dia pergi ke KADA, tempat KADA menahan, buat benteng supaya benteng itu ditingkatkan supaya air Sungai Kelantan meningkat, dapat pam masuk ke sawah. Harapkan sembahyang Hajat pun tidak menjadi lagi sebab tidak ada usaha, nasib baik KADA ada, saya ucap terima kasih, ucap tahniah dan kerajaan negeri beri RM25,000, KADA beri RM1 juta kepada MADA, Kerajaan Kelantan beri pada KADA RM25,000.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Nanti dahulu. Hendak cakapkah?

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta Datuk Ibrahim berhati-hati soal sembahyang, sebab ia adalah berkaitan dengan akidah, kita lebih menghormati dan kita takut kepada Allah bahawa kita akan berhadapan dengan Allah, terima kasih.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih di atas peringatan Yang Berhormat, tetapi saya akan jawab nanti, saya hendak jawab soal sembahyang Istitisqa' ini, sembahyang mohon hujan, saya hendak jawab nanti, saya akan jawab nanti, Yang Berhormat sabar, dengar dan jangan keluar Dewan, saya nak jawab, betul-betul saya hendak jawab dalam akhir ucapan saya.

Saya hendak tumpu dahulu masalah air ini, masalah kepada Kementerian Pertanian, Alhamdulillah Kerajaan Kelantan beri RM25,000, Kerajaan Kedah beri RM1 juta kepada MADA tetapi Menteri pergilah Kelantan menteri, lama sudah saya tunggu tetapi selalu saya dengar, kalau ada berita-berita hal pertanian saya dengar, saya tengok beritanya banyak daripada Sarawak. Kalau rasmi buah belimbing, buah belimbing di Sarawak ini, saya tahu Yang Berhormat Menteri Pertanian ini orang Sarawak tetapi Semenanjung Malaysia ini penting sebab dahulu di bawah Tan Sri Dato' Sanusi Junid, yang dulu menjadi Menteri Pertanian yang banyak kreatif, dengan air kelapa mudanya, dengan makan ulamnya, dia turun ke tiap-tiap negeri, jangan sekali-sekala, saya cakap terang-terang, saya bercakap without fear or favour, saya bercakap dengan ikhlas, sekarang zaman perang, Kementerian Pertanianlah kementerian yang paling penting sekarang ini. Kalau ibarat kata dalam peperangan jet F15 yang bawanya Kementerian Pertanian sekarang ini, dalam perang sekarang ini, hendak menyelamatkan wang kita RM10 bilion, dia tidak akan selesai dengan cakap-cakap, kempen-kempen lebih kurang, rasmi sana rasmi sini, turun ke bawah macam mana, tanah-tanah dapat diperguhendakan sepenuhnya, jangan setakat lebih kurang sahaja.

Kita hendak kurangkan import beras, kita hendak kurangkan import ikan, macam mana program ikan sekarang ini, cukupkah dengan laut dalam, macam mana kita hendak kurangkan lagi pengimportan ikan, sayur-sayuran, bawang saya sebutkan tadi, daging, kambing macam mana pula kambing, di Burma Tuan Yang di-Pertua, kambing susu, seekor RM600 sahaja, sama tinggi dengan Dato' Zuki, sama besar dengan Dato' Zuki, minta maaf Dato', kambing di Burma sekarang ini banyak orang di Pasir Mas sudah belanja beli kambing ini harganya lebih kurang RM500-RM600 dengan tambang dan sebagainya, perah susu RM30 dapat bersih tolak makan. Di Burma jadi kambing besar, di Thailand kambing besar, kenapa kambing Malaysia kurus, ini yang saya tidak faham dan terpaksa kita bawa kambing Siam. Penggemar

yang pelihara kambing sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, ialah Yang Berhormat Dewan Rakyat, saya balik ke Pasir Mas tiga hari lepas, saya sedang makan di gerai, saya tengok kereta Yang di-Pertua Dewan Rakyat lalu di Pasir Mas, saya pergi tahan, "Datang mana, Tan Sri?" Mari beli kambing". Rupanya sudah ada 300 ekor kambing, kambing yang dibeli daripada sebelah sana. Terhendak kambing dan dibiakkan kambing itu. Kenapa yang di bawah Kementerian Pertanian, projek secara besar-besaran tidak dapat diadakan, peruntukan tidak sedikit, ini saya menyentuh soal Kementerian Pertanian.

Jadi, saya harap Dasar Pertanian Negara disemak semula, diubahsuai, supaya lebih agresif sesuai dengan keadaan kegawatan ekonomi negara di mana kita kembali semula ke luar bandar. Itu perkara yang kedua.

Perkara yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Harap Yang Berhormat boleh beri peluang kepada orang lain lagi.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pendekkan. Oleh kerana wakil PAS tanya hal sembahyang tadi, saya hendak jawab juga. Tuan Yang di-Pertua, akhirlah, saya janji akhir. Banyak hendak bercakap, saya bercakap masa Perbekalan nanti, cuma saya hendak sentuh iaitu semalam hari tanggal 12 Mei iaitu susudah diisytiharkan sebagai Hari Wartawan, saya mengucapkan tahniah dan sememangnya wajar diadakan Hari Wartawan untuk para wartawan negara kita.

Sempena dengan Hari Wartawan yang diputuskan 12 Mei semalam, saya ingin menarik perhatian pihak akhbar-akhbar terutamanya akhbar-akhbar tempatan kita, supaya mereka meningkatkan lagi mutu penulisan. Memang banyak orang bercakap soal akhbar sebagai benteng demokrasi, kebebasan akhbar adalah suara demokrasi, peranan akhbar dalam menegak keadilan, macam-macam lagi tetapi apa pun saya mintalah pihak akhbar meneliti iaitu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua Artikel 17 of the International Convention on Civil and Political Rights 1966 yang mengisytiharkan :

*"no one shall be subjected to arbitrary interference with his privacy, family, home or correspondent know to attacks upon his honour reputation. Everyone has the right to the protection of law against such interference or attacks."*

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Maknanya saya menyanjung tinggi dalam perang menghadapi rasuah. Perang penyalahgunaan kuasa dan macam-macam lagi. Tetapi kita juga pegang kepada prinsip seseorang itu tidak didapati bersalah selagi mana mahkamah membuktikan mereka bersalah. Oleh yang demikian, dalam menyambut Hari Wartawan semalam 12 Mei, saya menyeru kepada semua akhbar terutamanya rakan-rakan wartawan supaya mempertahankan etika kewartawanan yang mereka putus sendiri, iaitu dalam melaporkan sebarang berita supaya ianya benar-benar profesional, walaupun saya sedar setakat hari ini memang wartawan negara kita ini dapat menunjukkan mutu berita yang begitu baik, tetapi seboleh-bolehnya lebih berhat-hati supaya dalam kita melaporkan sebarang berita yang membabitkan individu-individu tertentu supaya seseorang yang telah dituduh tidak merasa terhina di kalangan masyarakat sebelum mereka didapati bersalah di mahkamah.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Kementerian Dalam Negeri, bersabit dengan akhbar *Harakah*. Dulu kerajaan telah buat pengumuman bahawa kerajaan iaitu Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan kalau akhbar *Harakah* dijual kepada orang ramai. Akhbar ini sebenarnya dihad untuk ahli-ahli. Ahli-ahli sahaja, kemudian dibawa oleh ahli-ahli Dewan Rakyat saya baca dalam akhbar. Ada jawapan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, jika *Harakah* dijual kepada orang ramai Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan. Saya dapati, saya dapati-saya ulang apabila saya membeli akhbar di warung-warung, di gerai-gerai *Harakah* dijual kepada orang ramai. Ini soal prinsip, katalah

kalau *Harakah* itu dibenar untuk dijual kepada orang ramai, bagi lesen penuh kepada *Harakah*. Tak ada masalah. Tapi kalau lesen itu hanya sekadar untuk ahli-ahlinya, maka biarlah untuk ahli-ahlinya sahaja. Dah, betul-betul ambil tindakan kepada mereka yang bertanggungjawab kalau mereka menjual kepada orang ramai. Kalau hendak izin, izinkan betul-betul. Kalau tidak, ambil tindakan. Sebab dalam berita *Harakah*, bila bercakap soal kebebasan orang PAS lah yang tidak puashati itu tak betul, ini tak betul, itu tak betul, ini tak betul. Tetapi dalam akhbar *Harakah*, berita-berita yang mereka siarkan tidak ada, tidak ada perkara yang betul kepada kerajaan.

Kadang-kadang kenyataan-kenyataan umum boleh diputarbelitkan, diperlekehkan, disindirkan dan berita-berita yang baik daripada kerajaan langsung tidak ada. Sedikit sebanyak kerana hendak petik ucapan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri di sidang-sidang penting yang mana boleh menjadi rangsangan kepada rakyat tidak ada. Dalam *Utusan Malaysia, Berita Harian, Straits Times* dituduh oleh orang PAS ini kononnya talibarut kerajaan macam-macam. Tapi ada juga berita Menteri Besar Kelantan. Berita Harian pun ada, Strait Time pun ada. Dalam *Harakah* sepatah haram nama Dr. Mahathir, tak ada, nama Dato' Seri Anwar Ibrahim pun tak ada nama pemimpin UMNO langsung tak ada yang adanya kecam habis-habisan. Yang akhbarnya kalau baca memang provokasi yang boleh mengancam keselamatan negara. Saya hendak tanya Kementerian Dalam Negeri, apa tindakannya kalau bercakap sahaja hendak ambil tindakan, lepas itu tak hendak ambil tindakan, lain kali Kementerian Dalam Negeri jangan bercakap. Biar sahaja bagi lesen supaya mereka boleh jual sampai ke dunia seantero bukan setakat rakyat Malaysia. Saya bangkit dari segi soal prinsip Tuan Yang di-Pertua dan yang seterusnya oleh kerana masa tidak mengizinkan saya telah diperingat oleh Tuan Yang di-Pertua. Ada dua perkara lagi, ringkas-ringkas. Saya hendak tanya Kementerian Kewangan..

**Seorang Ahli:** [*Bangun*].

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Nanti, kerana masa tidak ada last.. nanti saya bagi, saya bagi Insya-Allah. Hal Kementerian Kewangan, saya hendak tanya, ada Persatuan Wakil Peniaga Saham Malaysia (Persama) ada menghantar memorandum kepada Kementerian Kewangan berhubungan dengan masalah wang cagaran mereka kepada securities di mana mereka telah menghantar pada 18 April melalui Setiausaha Parlimen Yang Berhormat Dato' Dr. Shafie bin Haji Mohd. Salleh, di mana mereka mengemukakan rayuan untuk meletakkan wang cagaran security deposit, kepunyaan wakil peniaga ke akaun amanah (Trust Account) institusi perbankan tempatan, di mana Tuan Yang di-Pertua, seseorang wakil peniaga ataupun remiser untuk memulakan urusaniaga dengan syarikat sekuriti, mereka diwajibkan meletakkan wang pertaruhan (deposit) sebanyak RM50 ribu hingga RM1 juta, sebagai modal kerja (working capital) barulah mereka dibenar berurusaniaga dan ringkasnya ada syarikat sekuriti apabila menerima wang tersebut wang cagaran tersebut daripada pihak remiser, wakil peniaga mereka meletakkan ke dalam akaun amanah, tapi banyaknya syarikat sekuriti meletakkan wang tersebut ataupun menggunakan wang tersebut sebagai modal pusingan.

Jadi, apa akan jadi dalam kegawatan ekonomi yang kini melanda negara, kita tahu Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh di mana 10 syarikat sekuriti telah diletak dalam keadaan urus niaga terhad. Dalam keadaan urus niaga terhad sebarang pembelian dikehendaki menyertakan pembayaran hadapan (payment upfront) 100% sebelum sesuatu urusaniaga pembelian dilakukan. Ini dengan secara langsung telah mengakibatkan berkurangnya urusaniaga dan kehilangan pelanggan berhijrah ke syarikat bursa yang lain. Pada ketika ini Malaysia mempunyai tiga undang-undang yang tertentu iaitu Akta Syarikat, Akta Industri Sekuriti dan Akta BAFIA bagi melindungi wang simpanan pelabur awam mahupun di bank, institusi kewangan atau bursa saham. Malangnya untuk wang cagaran wakil peniaga atau remiser yang depositnya diguna oleh syarikat sekuriti sebagai modal pusingan, tiada sebarang

undang-undang yang melindunginya. Jadi, bagaimanakah pihak Kementerian Kewangan untuk melindungi wang cagaran ini dan kita berharap pihak Kementerian Kewangan mewujudkan peraturan supaya wang cagaran daripada wakil peniaga saham ini (remiser) diletak di bawah akaun amanah seperti akaun-akaun di firma-firma peguambela atau peguamcara supaya wang mereka selamat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak sebut di sini, sebagai akhirnya, sebab saya hendak dengar Yang Berhormat Datuk Zainuddin Maidin bercakap, sebab setahu saya dia hendak buat maiden speech. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menunggu-nunggu jugalah dan saya percaya dia akan berucap selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada sebut sedikit tetapi tidak detail. Saya sungguh dukacitalah mengenai dengan parti PAS yang tidak habis-habis mempolitikkan segala perkara termasuklah sembahyang Istisqa' iaitu sembahyang memohon hujan di mana di Kota Bahru baru-baru ini diadakan sembahyang ini, yang diketuai Menteri Besar Kelantan, yang dibuat atas nama Badan Penerangan PAS. Kenapa tidak dibuat sembahyang ini, atas nama Kerajaan Negeri Kelantan, diketuai oleh Menteri Besar Kelantan. Tetapi dibuat atas nama Badan Penerangan PAS, mungkin sebab itulah, saya sebut ini sebab keluar dalam surat khabar. Umat Islam di negeri lain pun bertanya-tanya. Banyak yang bertanya saya Tuan Yang di-Pertua, saya kena beri penjelasan, apa yang saya tahu. Maka mungkin sebab itulah Majlis Agama Islam Kelantan di bawah Sultan Kelantan mengarahkan, ada lagi satu sembahyang hajat. Sebab sembahyang hajat yang dibuat ini atas nama PAS. Sepanduk, label, poster hijau-sembahyang hajat atas nama PAS dan khutbahnya pula bantai Kerajaan Pusat kerana mengamalkan dasar sekular. Inilah malapetaka jatuh ke atas Malaysia sekarang ini, duit kita jatuh, hujan pun tak ada, air tak cukup dan seumpamanya.

Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, ada tiga perkara sifat. Ia, kalau sifat riak, buat atas nama riak, dia tidak akan mendapatkan syafat dari Allah S.W.T. Kalau buat niat tak betul, tak jadi. Saya orang Islam, saya juga orang Islam seperti orang PAS, tapi niat kena betul. Kalau niat tidak betul buat semata-mata riak buat sepanduk sana, sepanduk sini niat itu ada tujuan politik kononnya PAS begitu prihatin. Bila tak ada air sembahyang hajat, walhal air telah diswastakan kepada Kelantan Water, hari ini hutang RM70 juta tidak boleh bayar. Dan tak ada air di Kelantan sebelum berlaku di Pusat. Pusat baru-baru ini sahaja dua tiga bulan. Kelantan sudah setahun lebih, bil air meningkat air tak ada. Bil meningkat sebab meter air itu dibantai oleh angin jadi dia punya meter itu berjalan. Air tidak ada, betullah sembahyang hajat kita minta kepada Allah S.W.T. tapi kena usaha juga. Tanpa usaha tak boleh. Macamlah anak Yang Berhormat, anak Yang Berhormat orang PAS, nak jadi DO contoh, saya hendak bagi contoh. Hendak jadi DO, kalau kita sembahyang hajat berdoa bila anak kita hendak jadi DO, dia tak akan jadi DO, sebab bila kita tanya, anak ini belajar setakat mana, lulus SRP sahaja? Universiti pun tidak, tak akan jadi DO. Sembahyang hajat macam manapun dia tidak akan menjadi DO. Yang kita maksudkan usaha. Usaha itu kena buat berserta dengan niat yang suci. Niat yang baik yang ikhlas tidak riak. Kalau riak tak jadi. Allah tak bagi syafaat, kalau buat kerana politik. Sebab itu kalau tidak riak dia akan buat atas nama kerajaan negeri, tak payah buat atas nama PAS kenapa nak tonjol sangat nama PAS ini. Seolah-olah orang UMNO tak sembahyang hajat, seolah Dr. Mahathir tak sembahyang, pemimpin lain tak sembahyang, orang PAS sahaja erti sembahyang hajat. Cuba buat atas nama kerajaan negeri.

Yang kedua, jangan sikap takbur. Takbur ini besar diri akulah Islam, akulah Islam orang lain tak Islam, yang ketiga, 'sumaah'. 'Sumaah' ini hendak tujuk - akulah sembahyang hajat, akulah kuat Islam dari orang lain, tanpa banner, poster yang saya katakan tadi. Kalau tiga perkara ini, Tuan Yang di-Pertua ianya merupakan penyakit dalam hati, PAS ini ada penyakit dalam hati. Penyakit riak, takbur dan 'sumaah' yang dia buatnya semua niat tak betul kerana politik, kedua besar diri, yang ketiga hendak tunjuk. Hendak tunjuk sembahyang hajat di padang. Tak boleh buat di masjid, kena buat di padang. Masjid ada, Masjid Kota Bahru, Masjid Negeri besar, Masjid Kubang Kerian besar, buat tiga, empat tempat atas nama kerajaan negeri apa salah. Umat Islam tunjuk bersatu, berpadu kenapa buat di padang. Hampar tikar atas padang tak

cukup hampar tikar, bawa kertas, lepas itu diletakkan sepanduk-sepanduk PAS, itu apa dia tunjuk-tunjuk, itu takburlah itu. Hendak tunjuk itu, itu 'sumaah'lah itu.

Tapi saya tak hairan Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau ikut orang PAS sembahyang hajat sudah 4,5 tahun. Ia minta bala kepada orang UMNO, patut kita semua jadi 'ulat kekek'. Kalau mengikut doa orang PAS, sembahyang hajat orang PAS, kita sudah jadi ulat kekek, dah. Jadi saya menyebutkan tiga perkara ini, meminta supaya Kerajaan Negeri Kelantan melalui Yang Berhormat wakil PAS di dalam Dewan yang mulia ini, tolong beritahu kepada Menteri Besar Kelantan kepada pemimpin PAS, kalau buat kerja baik, kita sokong, kalau buat sembahyang hajat Kerajaan Negeri Kelantan, buat sembahyang hajat jemput semua umat Islam Kelantan termasuk jangan sebut orang partilah, semua kita akan pergi. Ini yang kena dibetulkan, lepas itu sebutlah kontrovesi, bimbang takut rakyat berpecah, saya tengok Menteri Besar Kelantan, bila bercakap dengan akhbar menangis, sedih. Sebab bila dia buat sembahyang hajat, MAIK pula buat satu lagi, kononnya dia sedih. Ini merosakan Islam. Walhal dia yang mula dulu. Dia tak sedar. Sebab itu saya katakan kalau ikut kepada mereka ini lama dah kita jadi ulat kekek. Tapi, alhamduillah belum lagi jadi ulat kekek.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya hendak bangkit. Saya beri peluang pada, saya tak bercadang hendak bercakap panjang, lebih panjang daripada itu, cuma rumusan. Saya hendak rumus balik Yang Berhormat Dato' Zuki, yang membawa usul supaya tidak disalah faham. Saya menyebut semalam soal menolong syarikat-syarikat yang bermasalah. Saya menyokong, kerajaan, sesungguhnya memberi sokongan yang tidak berbelah bagi, supaya kerajaan menolong syarikat-syarikat yang bermasalah akibat daripada kerugian kerana wang ringgit kita diserang. Dan saya tidak menyokong, saya tidak menyokong mana-mana syarikat yang bermasalah kerana ada penyelewengan, tamak haloba, tindakan-tindakan yang dibuat tidak betul. Sehingga syarikat itu rugi, itu saya tidak sokong. Hendak menyelamatkan syarikat itu boleh tapi individu yang berkenaan jangan kita selamatkan. Jadi tidak timbulah masalah terminalogi ini, terminalogi sama ada menolong ini perkataan bail-out kah atau perkataan apa, perkataan yang paling sesuai. Perkataan yang sesuai, menolong syarikat yang ada masalah akibat daripada kejatuhan nilai Ringgit, bail-out, no, sebab takut kita disalahfahamkan. Itu pun saya setuju.

Tetapi walau macam mana pun, sebagai ingatan saya hendak menarik juga perhatian pihak kerajaan supaya akhirnya, dalam apa pun tindakan, pihak kerajaan mengingati Provision Act 132G, "prohibited transaction involving shareholders and directors, dalam apa juga kerana kita hendak menolong syarikat-syarikat yang bermasalah supaya setiap perundangan kita ada, mesti diteliti dengan betul.

Katalah kalau ada syarikat yang bermasalah, ia hendak selesai dengan menubuhkan syarikat lain yang mana dia juga ada kepentingan, bimbang-bimbang, takut bertentangan dengan seksyen 132G prohibited transaction involving shareholders and directors, dengan izin, saya hendak quote, termasuk seksyen 176. "Notwithstanding sections 132C and 132E, a company shall not enter any arrangement transaction to acquire the shares or assets of another company in which a shareholder or director of the acquiring company or a person connected to such shareholder or director has a substantial shareholding as defined in section 69D whether or not for the benefit of such shareholder, director or connected person or for any other person unless the arrangement of transaction was entered into three years after such shareholder, director or connected person, as the case may be, first held the shares in that other company or after the assets were first acquired by the said company, as the case may be". Adalah subseksyen (2), (3), panjang di bawah 132G.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, boleh dibahasakan dalam bahasa Inggeris, tetapi lebih baik kalau dia terjemahkan dalam Bahasa Kebangsaan kita supaya saya lebih faham lagi. [Ketawa]

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, saya sedar Dato' Zuki adalah pendukung dan pejuang Bahasa Malaysia, dia seorang peguam cuma saya hendak cepat tadi, saya tak sempat nak buat research di library, check-check saya jumpa yang bahasa Inggeris, jadi tak sempat hendak terjemah. Tetapi kalau Dato' Zuki hendak yang terjemah, insya-Allah, akan saya beri nanti.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Bagus, terima kasih.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Insya-Allah. Saya memang hendak dalam Bahasa Malaysia, cuma oleh kerana ini sahaja yang saya ada dan saya minta izin kepada Tuan Yang di-Pertua.

Jadi yang akhir sekali, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah banyak membuat reformasi pendidikan dalam negara kita sehingga hari ini kita sudah yakin. Insya-Allah, Malaysia akan menjadi sebuah pusat pendidikan antarabangsa yang cemerlang. Cuma baru-baru ini ada timbul kontroversi bersabit dengan perlantikan Ketua Pengarah Pendidikan iaitu Dr. Matnor Daim yang bersara lebih awal dan apabila timbulnya isu ini bermacam-macam berita keluar sehingga ada kesatuan guru pun turut terbabit termasuklah kesatuan-kesatuan guru daripada Sarawak. Saya pada awalnya sudah tahu dari dahulu lagi, sebenarnya sebagaimana yang dijelaskan oleh Menteri Pendidikan. Awal-awal lagi apabila Ketua Pengarah Pendidikan yang baru dilantik menggantikan Tan Sri Dr. Wan Zahid, yang dilantik itu Yang Berbahagia Datuk Dr. Matnor adalah untuk tempoh satu tahun kerana dahulu dia dinaikkan pangkat dengan cepat, saya difahamkan.

Yang sepatutnya jadi Timbalan Ketua Pengarah awal-awal lagi selepas Tan Sri Wan Zahid ialah Ketua Pengarah yang baru sekarang ini, Datuk Dr. Shukor Abdullah. Tetapi demi integrasi Malaysia dan tidak pernah pun orang Sarawak memegang jawatan ini, maka diberi kepada orang Sarawak. Tetapi kalau dia pegang jawatan itu terus cukup tempoh bererti yang patut jadi Ketua Pengarah iaitu Datuk Dr. Shukor Abdullah terlepas peluang, dia juga berhak, itu sahaja isunya. Yang kata Kementerian Pendidikan tidak betul, itu begini, macam-macam, ini saya rasa tidak betullah, saya turut bersimpati dan kesal hal ini telah dipolitikkan yang tidak sepatutnya dipolitikkan. Alhamdulillah, segalanya telah selesai, kita ucap tahniah kepada Datuk Dr. Matnor Daim, saya percaya beliau akan terus memberi sumbangan dalam pendidikan negara dan kita mengucapkan tahniah kepada Datuk Dr. Shukor Abdullah yang dilantik menjadi Ketua Pengarah yang baru. Mudah-mudahan wacana pendidikan negara kita akan terus berkembang.

Sekian, saya menyokong dan saya hendak dengar Yang Berhormat Senator Datuk Zainudin bercakap. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Datuk Zainudin memberi maiden speechnya.

4.20 ptg.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. BismillahiRahmaniRahim. Pertama sekali, saya ingin menyatakan rasa kekecilan dan rasa kerendahan diri di atas segala gambaran kebesaran dan keagungan saya yang telah diucapkan oleh Datuk Ibrahim. Saya rasa ahli-ahli tidak dapat belajar apa-apa dari saya, saya yang harus belajar dari orang yang berpengalaman di sini dan kalau nak belajar daripada saya pun barangkali boleh belajar menggunakan kepakaran media untuk menjatuhkan seseorang ahli politik, [Ketawa] atau untuk menaikkan orang politik atau bagaimana hendak memperkuatkan kerajaan ataupun boleh belajar bagaimana hendak menjatuhkan kerajaan. Saya tahu tentang media power dan itu kepakaran saya, dalam soal-soal lain sebagai Ahli Dewan saya tidak tahu lagi. Tetapi saya tidak tahu bagaimana untuk menaikkan seseorang melalui politik wang atau menurunkannya menerusi politik wang, itu saya tidak tahu.

Saya mohon izin untuk turut membahaskan Titah Ucapan Diraja yang telah memberikan penekanan kepada masalah kegawatan ekonomi negara yang telah

menggugat keyakinan kita terhadap dasar yang telah kita tegakkan, terhadap pembangunan yang telah kita lihat, terhadap keyakinan diri kita sendiri menerusi dasar-dasar yang kita telah bangunkan. Hujan setahun telah dikeringkan oleh panas sehari tetapi dalam kepanasan ini barangkali kita dapat melihat kekuatan dan juga kelemahan kita. Kewarasan dan ketenangan masyarakat majmuk menghadapi masalah ini secara bersama dan tidak dari pandangan yang racial adalah menunjukkan kekuatan dan keupayaan kita yang telah dibangunkan atas dasar yang benar tetapi apabila air terpaksa dicari dengan mengorek perigi, ketika bangunan pencakar langit, mencakar langit, maka orang bertanya-tanya di manakah priority kita. Bangunan tertinggi adalah untuk membina keyakinan diri tetapi krisis air menghakiskan kepercayaan hakiki kita.

Kita memang memerlukan tugu-tugu dan juga simbol-simbol untuk keyakinan diri. Saya bersama-sama dengan keyakinan para pemimpin negara bahawa kita memerlukan model building atau psychological esteem untuk membina keyakinan diri tetapi dalam pada itu, kita juga memerlukan kecanggihan dan juga keulungan dalam pengurusan bangsa dan negara. Dan kita sebagai manusia memang memerlukan faktor-faktor luaran untuk meyakinkan diri kita, kita memerlukan tugu-tugu dan sekurang-kurangnya kita memerlukan cermin untuk melihat diri kita sendiri, saya tidak tahu berapa kali Datuk Ibrahim melihat dirinya sendiri dalam cermin pada setiap pagi untuk meyakinkan diri dan hal ini memanglah kita tidak dapat elakkan dan saya tidaklah menyatakan pembangunan pencakar-pencakar langit dan sebagainya itu tidak benar, tetapi kita seharusnya mempunyai keseimbangan, keadilan dalam membangunkan keyakinan diri dan juga dalam membangunkan keyakinan dalam pengurusan kita.

Tadi saya telah katakan bahawa rakyat menghadapi masalah ekonomi secara bersama. Saya ingin menyatakan bahawa tanpa DEB dan dasar penswastaan mungkin kegawatan ekonomi ini hanya akan ditanggung kerugian dan kesakitannya oleh bukan bumiputera sahaja dan bumiputera yang miskin dan tidak punya saham dalam kekayaan, negara akan menumpukan tuduhan dan kemarahan kepada bukan bumiputra. Kegawatan ekonomi telah membuktikan kepada kita DEB yang dilahirkan oleh tragedi 13 Mei, hari ini adalah Hari Ulang Tahun 13 Mei, yang dilahirkan oleh 13 Mei dan Dasar Penswastaan yang dijuarai oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, telah sekurang-kurangnya menghampiri matlamat untuk menghapuskan indentiti fungsi ekonomi setiap kaum. Oleh kerana itulah maka kita menghadapi kegawatan ekonomi ini tidak dari kacamata racialism, tetapi secara bersama. Kita tidak melihat ini hanya sebagai masalah orang Cina tetapi masalah bersama, masalah orang Melayu, masalah orang India. Jadi kekuatan yang telah dibangunkan daripada dasar yang benar iaitu DEB, inilah kekuatan yang dapat kita lihat di dalam keruntuhan kita pada hari ini. Dasar ini pada mulanya telah dianggap oleh DAP dan juga oleh prophet of doom dari luar negara sebagai chauvinist dan racialist tetapi dasar ini telah membangunkan satu ketahanan diri rakyat berasaskan kepada pembangunan ekonomi. Dalam keruntuhan ekonomi kita, kita melihat kematangan dan kekebalan struktur masyarakat majmuk, kita melihat kebangkitan identiti baru dan semangat baru rakyat Malaysia. Maka itulah pemimpin GERAKAN, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik semalam, telah menafikan bahawa wang keluar negara, saya akan betulkan kemudian, wang keluar negara sebanyak RM20 bilion hanya menjadi tanggungjawab orang Cina. Lim Keng Yaik menafikan, sebab saya sendiri percaya bahawa wang RM20 bilion ini, bukan sahaja daripada orang Cina tetapi orang Melayu juga ada sahamnya, tetapi kita telah menerima beberapa kenyataan yang bertentangan yang mengelirukan rakyat terhadap ketulusan kerajaan sendiri. Lim Keng Yaik menyatakan wang itu dikeluarkan dari negara ini, kemudian Pengerusi Bank Simpanan Nasional, orang yang bertanggungjawab mengatakan ada wang negara dikeluarkan RM20 bilion. Tetapi kenyataan Timbalan Menteri semalam, mengatakan wang itu adalah wang yang disimpan di Singapura, yang mana satu kita akan pegang, orang-orang ini orang yang bertanggungjawab, ertinya tidak ada ketulusan di antara menteri-menteri sendiri. Bagaimana kita hendak meyakinkan ketulusan kepada orang ramai, satu kenyataan yang mengelirukan.

Saya rasa penjelasan yang tepat harus ada supaya kita semua tahu apa yang sebenarnya. Saya kira tidak hanya orang bukan Melayu yang menyumbang seperti yang dilihat sebelum ini, yang menyumbang kepada pertumbuhan negara dan juga kepada keruntuhan negara tetapi orang Melayu ada sahamnya. Jikalau dianggap orang Melayu juga telah mengeluarkan wang daripada negara ini sebagai tidak patriotik, maka orang Melayu juga ada sumbangannya dari segi membangun dan memberi kesakitan kepada negara. Media asing yang pernah mengecam DEB ini akhirnya turut melihat realiti keberkesanan dari dasar DEB.

Saya suka hendak membuat satu contoh, saya minta dengan izin dari Tuan Yang di-Pertua iaitu satu tulisan dari seorang wartawan Inggeris yang banyak bersimpati dengan Asia iaitu Philip Bowring, yang saya kira kredibilitinya tentang Asia dapat kita pegang. Dalam tulisannya keluaran *Herald Tribune* pada 18 Februari 1998, beliau telah mengesyorkan supaya Indonesia melaksanakan DEB seperti di Malaysia bagi menjamin masa depan negara itu. Bowring antara lain menyatakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menyatakannya dalam bahasa Inggeris, Bowring menulis: "There is justification now for some more overt policies to promote indigenous business as Malaysia did after 1969. The policies there, were not popular with the Chinese or with foreigners but they did help restore social stability and nurtured a capitalist spirit among Malaysian". Dalam satu lagi tulisannya di akhbar yang sama pada 2 April 1997, Bowring menyatakan bahawa, "Primarily as a result of privatization, a new Malay commercial class has emerged in Malaysia, supplanting ethnic Chinese groups as the leading players in the private sector. This government backed process has undoubtedly contributed to ethnic harmony within Malaysia".

Ethnic Harmony inilah yang menjadi benteng kestabilan negara dalam kegawatan ekonomi sekarang ini. Saya rasa saya tidak perlu menterjemahkannya kerana akan mengambil masa. Kita semua memahami dengan tulisan ini, tidak perlulah saya terjemahkan dalam Bahasa Malaysia.

Bertambahnya pendapatan rakyat di luar bandar dan juga bumiputera telah dilambangkan oleh saiz simpanan mereka yang mengukuhkan di institusi-institusi kewangan tertentu yang turut menyumbangkan lenturan dalam menangani masalah kegawatan ekonomi negara sekarang. Tanpa menafikan sumbangan kaum bukan Melayu terhadap pembangunan ekonomi negara selama ini, tetapi daya ketahanan menghadapi kegawatan ekonomi hari ini turut melibatkan sumbangan bumiputera sendiri dengan keupayaan simpanan dan penjimatan di Tabung Haji, PNB dan lain-lain saham.

Sekalipun identiti fungsi ekonomi setiap kaum belum dapat dihapuskan sepenuhnya tetapi perpaduan dan toleransi rakyat dalam menghadapi pelbagai cabaran adalah disumbangkan oleh beberapa kesedaran baru yang telah tumbuh bersama pencapaian DEB terutamanya di bidang pelajaran yang melahirkan ramai orang Melayu yang berkelayakan profesional dan sebagainya yang mewaraskan pemikiran mereka dalam merasionalisasikan sikap dalam menghadapi keadaan yang ada sekarang.

Sebenarnya dengan kecanggihan ekonomi dan dasar langit terbuka kerajaan cabaran sosial, ekonomi dan politik yang dihadapi oleh rakyat daripada anasir-anasir luar negara adalah lebih hebat dan lebih pantas daripada tahun 1969. Yang amat ketara dan paling provokatif ialah percubaan mereka untuk melumpuhkan kepimpinan beberapa negara di Asia yang dianggap menjadi penghalang kepada agenda politik sosial dan ekonomi mereka.

Di Indonesia yang belum pasti siapa pengganti presidennya, mereka mendesak supaya dinamakan penggantinya dan apabila tidak jelas mereka menggunakan anasir-anasir dalam negara untuk menimbulkan ketidakstabilan. Saya tidak tahu dalam soal ini umpamanya kita cuba adil kepada pemikiran kita dan melihat kepada situasi Indonesia. Tetapi tidaklah niat saya untuk mencampuri dalam urusan mereka tapi kita melihat masalah yang dihadapi oleh Suharto umpamanya.

Kita melihat bagaimana agenda media asing kalau kita teliti pada tiap-tiap hari. Yang di'attack' ialah nepotisme tapi saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, kerana semasa beberapa orang Cina menguasai ekonomi Indonesia - 4 - 5 orang, soal ini tidak timbul. Saya tidak mengatakan nepotisme dan itu betul. Hanya sekadar untuk kita melihat keadaan ini tetapi apabila pemindahan kekayaan berlaku kepada beberapa keluarga dan anak Suharto ia menjadi satu masalah. Saya tidak mengatakan itu benar tapi sikap 'the big power', sikap orang Barat mereka tidak bersimpati dengan orang-orang Melayu dalam menghadapi masalah tekanan ekonomi tahun 1969. Mereka juga telah menimbulkan kebencian kepada dasar DEB dan sikap inilah sikap yang sama dan kalau kita lihat NBC Asia bagaimana agenda media itu cuba untuk men'stabilise'kan keadaan di Indonesia.

Umpamanya apa kena mengena - pada suatu malam saya melihat, ditunjukkan tentang kegawatan ekonomi di Indonesia, tentang demonstrasi tetapi tiba-tiba ditunjukkan tentang tekanan Indonesia terhadap Timor Timur. Apa kena mengena. Apa kena mengena soal Timor Timur dengan soal kegawatan Indonesia. Mereka mempunyai agenda tertentu sedangkan Timor Timur itu di'create'kan, dicetuskan, dibentuk atas kehendak Amerika sendiri untuk menghadapi masalah komunis dalam masa Sukarno dahulu. Tetapi ditunjukkan bagaimana orang Timor Timur itu di'torture' dan sebagainya. Immediately after berita tentang kegawatan ekonomi. Ini adalah jelas yang saya nampak bahawa yang kita harus memahami masalah yang kita hadapi tetapi saya kira sikap yang provokatif ini, campur tangan negara asing cuba untuk menggantikan kepimpinan negara, mereka telah cuba di seluruh dunia.

Di Malaysia yang penggantinya sudah jelas, mereka mendesak secara terang-terangan menerusi media mereka supaya Perdana Menteri yang ada sekarang berundur segera. Percubaan ini dilakukan oleh banyak media *Times, News Week, Asia Magazine* dan semua media melakukannya. Foreign media yang berpengaruh telah memainkan peranan ini secara terbuka. Apa tujuannya? Tujuannya ialah untuk membangkitkan kegelisahan dalam negara, menggoncang kestabilan dan kemudian memenuhi agenda politik dan ekonomi mereka. Satu tangan menghulurkan bantuan dan menunjukkan peri kemanusiaan dan satu tangan lagi melakukan pencerobohan dan pembinasaan. Mereka mahu penggantian segera pemimpin-pemimpin lama dengan pemimpin baru dalam kegawatan ekonomi sekarang. Apa sebabnya? Ialah kerana keyakinan mereka apabila mereka menggantikan pemimpin-pemimpin lama dengan pemimpin-pemimpin baru tugas utama pemimpin baru ialah untuk mengekalkan kedudukan. Bagaimana hendak mengekalkan kedudukan dalam kegawatan ekonomi? Apabila pemimpin-pemimpin muda mengambil tempat, yang utama sekali ialah pergantungan terus-menerus. Dalam keadaan ekonomi yang tertekan ialah pergantungan yang terus-menerus kepada Amerika. Pergantungan yang terus-menerus kepada kuasa luar, pergantungan ekonomi. Itu tujuan utamanya.

So, berapa orang di Asia the last bastion of the nationalism - Mahathir, Suharto. Mereka telah meletakkan orang mereka di Korea. Jadi ini agenda-agenda yang mungkin hanya merupakan hipotesis tetapi hal ini berlaku dan telah berlaku dan kita melihat berlaku. Jadi saya ingat dalam masalah ini kita tidak harus membiarkan mereka mengambil suatu kesempatan emas bagi cita-cita asing untuk menguasai politik dan ekonomi negara. Mereka berjaya melakukan ini di satu, dua negara tetapi di Malaysia kita bersyukur, sekalipun dengan dasar langit terbuka, dengan information overload, radio, T.V., Internet dan sebagainya, namun rakyat tidak dapat dipengaruhi oleh mereka sebaliknya rakyat memilih memberikan kepercayaan kepada kepimpinan negara, menguruskan ekonomi negara daripada menukarkan kepimpinan negara ketika negara menghadapi ancaman.

Perlu diingat oleh rakyat kedudukan kewangan kita sekarang begitu rapuh. Yang tinggal ialah perpaduan dan keyakinan diri yang menunjang kestabilan negara. Kalau ini pun hancur, hancurlah kita. Kita perlu mengulangi sejarah. Sejarah kewarasan menukarkan kepimpinan negara secara licin dan terhormat tanpa penyelewengan daripada tradisi politik yang telah menjadi asas kepada kematangan dan kesinambungan kepimpinan negara. Kita tidak perlu menyerah kalah kepada

kuasa ekonomi luar untuk menggadaikan maruah dan tradisi politik kita. Sikap dan kematangan yang ditunjukkan oleh rakyat dalam menghadapi cabaran demi cabaran sewajarnya mendapat tabik hormat daripada negara. Mereka berupaya melihat masalah yang kita hadapi ini sebagai masalah global dan bukannya suatu masalah remeh-temeh yang hanya menjadi tanggungjawab personaliti tertentu ataupun pemimpin tertentu sahaja.

Dalam pada itu pemimpin pula tidaklah seharusnya melihat kegawatan ekonomi ataupun economic morass masa ini semata-mata akibat daripada serangan luar ke atas wang dan pasaran saham kita tanpa mahu melihat kesilapan kita sendiri, tanpa mahu melihat rahmat-Nya. Sebelum serangan ini berlaku, tanda-tanda kesombongan, riak, keborosan, extravagant, keangkuhan dan kelalaian terhadap matlamat nasional telah berlaku. Hal ini harus kita hadapi, harus kita terima walaupun pahit. Maka itulah seruan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada semua rakyat supaya mengelakkan pembaziran, mengurangkan perbelanjaan tidak perlu. Kelakuan ini lebih jelas dapat dilihat di kalangan 'megarich' dan 'nou-veau rich' dibandingkan kalangan rakyat jelata sendiri.

Kita mentertawakan kelakuan jutawan minyak Arab yang menunjukkan kekayaan ostentatiously tetapi kita juga berkelakuan yang sama. Kita menghisap curut RM80.00. Pendapatan RM80.00 dibakar, orang kampung RM80.00 tidak dapat sebulan pun ada, tetapi kita sudah membakar, untuk mengikut style orang-orang yang maju. Pada hal kalau mengikut psikologinya orang Asia tidak begitu. Orang Asia very prudent. Dari kajian sosiologinya, orang Asia berjimat. Ertinya apabila kita menerima nilai-nilai kejayaan orang lain sebagai contoh yang baik ertinya kita telah membelakangkan core-value kita dan kita menerima core-value orang lain menjadi value kita, value kita akan lenyap. Tidak semua contoh-contoh kejayaan itu harus menjadi contoh kejayaan kepada kita dalam environment kita sendiri.

Beberapa tokoh korporat menunjukkan keangkuhan seolah-olah mereka tidak boleh ditegur oleh menteri kerana merasakan dilindungi oleh menteri yang lebih besar. Mereka mahu mengambil tindakan mahkamah terhadap menteri. Kita baca dalam akhbar-akhbar. Jika tindakan boleh diambil terhadap pegawai kerajaan yang bercanggah secara terbuka dengan seseorang menteri maka orang korporat yang mendapat 'rahmat' daripada kerajaan tetapi tidak tahu menghormati kerajaan juga tidak boleh dimaafkan. Budaya parti menguasai kerajaan dan bukan korporat menguasai kerajaan mestilah diterapkan, ditegakkan dan dibuktikan. Ia mesti menjadi falsafah negara yang kekal dan menyeluruh.

Terdapat ahli-ahli perniagaan Melayu yang berjaya di bawah dasar melahirkan beberapa orang jutawatan. Kepercayaan Perdana Menteri sendiri bahawa kita melahirkan beberapa jutawan dan jutawan itu akan mengembangkan payungnya akan melahirkan beberapa jutawan lagi untuk 'menelurkan' lebih banyak jutawan Melayu. Tetapi mereka - bukan semua, ditegaskan bukan semua, tetapi ramai yang melupakan tanggungjawab sosial mereka tetapi lebih mengutamakan pengumpulan harta bagi diri sendiri. Mahu merebut peluang-peluang yang sepatutnya pergi kepada orang lain. Mahu berebut sebanyak-banyak yang ada dan mereka menggayakan kehidupan 'flamboyant' yang lebih hebat daripada bintang-bintang filem Hollywood.

Apakah kita sewajarnya mempunyai beberapa kereta mewah, kapal terbang sendiri sekalipun sebenarnya hidup atas wang orang ramai. Atas public money. Adakah ini wajar? Sedangkan wang itu kita tahu wang daripada hutang. Kadang-kadang orang biasa dikatakan berhutang tetapi bila orang besar-besar di kalangan finance dikatakan credit facilities. Jadi credit facilities kita boleh salah guna, tetapi orang biasa tidak boleh.

Berita yang menarik juga iaitu seorang jutawan Melayu yang meninggalkan tanah air kerana sebab-sebab peribadi dilaporkan dirompak barang-barang kemasnya berharga berjuta-juta ringgit di London. Kita baca dalam akhbar, kita malu. Anggapan bahawa hanya orang bukan Melayu sahaja yang akan meninggalkan tanah air setelah membuat kekayaan di negara ini tidak lagi benar. Tidak benar lagi malah terdapat bumiputera sendiri yang dilimpahkan dengan 'rahmat' sanggup untuk

membawa wang keluar negara meninggalkan negara bukan kepentingan bangsa tetapi kerana kepentingan diri sendiri. Saya mungkin dianggap berfikiran sempit dalam soal ini bahawa semua the economic 'animals' are the same minta maaf Tuan Yang di-Pertua, Bila ada wang banyak kita tidak lagi menjadi rakyat Malaysia. Ada wang kita menjadi rakyat antarabangsa. Bodoh kalau kita hanya menjadi rakyat Malaysia kalau ada wang. Itu tafsiran - saya tidak tahu sama ada tafsiran itu benar ataupun tidak tetapi demikianlah kisah orang-orang yang mempunyai wang. Jika orang seumpama ini diterima semula oleh kerana sanggup kembali untuk membantu dalam keadaan sekarang, dalam keadaan ekonomi menghadapi krisis kita melihat dia sebagai seorang helper sebagai seorang yang akan memberi nafas baru kepada kita. Maka ini akan menunjukkan kepada dunia bahawa negara kita tidak mempunyai dividing line antara nilai moral dan materialisma, bahawa kita sanggup menjejak maruah bangsa untuk ekonomi negara.

Kita mestilah sanggup untuk mengorbankan seorang yang menjadi contoh yang buruk kepada anak bangsa daripada menerimanya untuk menjadi warisan kepada keruntuhan moral negara. Orang seumpama ini tidak ramai, yang setia dan jujur lebih ramai. Maka kita seharusnya tidak takut untuk mengorbankan yang kecil, keperibadian bangsa perlu ditegakkan. Kepentingan seorang tidak penting, yang penting ialah moral rakyat itu sendiri.

Dalam banyak hal kita telah menyaksikan bahawa dalam kemaraan kita ke arah pembangunan negara, kita cenderung untuk menyekutukan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, good with economic success and bad with lack of success. Dalam beberapa hal kita sanggup kehilangan arah dan dasar untuk kepentingan wang. Saya membuat contoh yang paling besar iaitu RTM sendiri yang bertanggungjawab terhadap arah, falsafah dan dasar negara serta semangat rakyat itu sendiri. RTM bertanggungjawab terhadap pembentukan keperibadian bangsa dan nasionalisme tetapi dalam beberapa hal RTM sanggup mengorbankan kedua-dua channelnya untuk semua program yang bersifat sponsor. Kalau ada program yang baik untuk kepentingan nasional, muzik yang baik untuk golongan pertengahan atau budaya-budaya yang dapat kita memberikan nilai-nilai yang baik, tidak ada sponsor tidak ada tempat di dalam RTM.

Itu sebab tadi salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat, saya ingat wakil dari Pahang mengesyorkan supaya kita adakan satu channel yang tidak ada sponsor, yang tidak ada iklan seperti BBC di London. Memang BBC, saya tidak tahu, saya pun sudah lama tidak mengikut tetapi mereka mempunyai channel yang bertanggungjawab terhadap keperibadian British. Dia tidak mengatakan begitu tetapi kita melihat bahawa dia tahu, dia punya "Upstairs Downstairs, banyak channel yang menunjukkan bahawa keperibadian masyarakat British itu adalah masyarakat tani di samping masyarakat industri, bahawa nilai-nilai British itu kekuatan demokrasi dan sebagai nilai yang paling kuat diterapkan menerusi BBC. Dia ada tanggungjawab tetapi ke mana kita? Dalam kegelojohan kita untuk menghambakan diri kita kepada wang, kita hilang arah. Dalam beberapa hal, RTM telah mengharu-birukan dasar-dasar kebangsaan dan menjadi contoh kepada media elektronik yang lain untuk turut dalam kegelojohan mencari wang dengan menyetepikan nilai dan kualiti yang wajar bagi pembangunan rohani dan ketertiban minda dan moral rakyat.

Sesekali menyedari penyelewengan yang berlaku, Menteri Penerangan mengingatkan stesen yang lain tentang arah nasional tetapi cakap-cakapnya tidak lagi dihiraukan kerana tindakan tidak pernah diambil, sebaliknya dilihat pelanggaran demi pelanggaran - dari rambut panjang sampai kepada penggunaan bahasa Malaysia rojak di RTM sendiri. Yang galak digunakan sekarang, di dalam ASTRO sehingga drama, saya tidak tahu bagaimana kalau Tuan Yang di-Pertua membaca akhbar Melayu bercampur Inggeris, separuh Melayu separuh Inggeris. Adakah kita boleh menerima? Tetapi oleh kerana itu berlaku di dalam RTM, dalam percakapan kita tidak nampak dan jawapannya yang diberikan ialah bahawa itu realiti masyarakat Malaysia. Tiap-tiap hari kita bercakap bahasa Inggeris campur dengan bahasa Melayu - memang

realiti saya sendiri, kita sendiri tetapi apakah tanggungjawab RTM? Apakah tanggungjawab RTM sebagai pembentuk keperibadian rakyat, adakah untuk menjadi Pak Turut atau untuk membentuk? Ke mana kita? Ke mana arah kita?

Tanggungjawab! Tanggungjawab untuk melahirkan suatu bangsa yang berkeperibadian sendiri menurut hasrat 2020 tetapi mungkin banyak mockery berlaku. Jadi.....

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya bersetuju ucapan Yang Berhormat tadi. Saya telah pun meminta siaran Warta Berita bagi siaran Tamil ditukarkan daripada pukul 5.00 kepada pukul 5.30, beberapa kali telah pun saya suarakan di sini. Saya berjanji di kampung-kampung dan di estet-estet, Menteri sudah bersetuju siaran pada pukul 5.30 atau pukul 6.00 dalam bahasa Tamil tetapi hingga hari ini pun janji itu tidak ditunaikan lagi. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya tidak boleh menjawab apa-apa dalam soal itu. Saya ingin meneruskan iaitu kita sebenarnya, saya kira demikian juga dalam soal-soal iklan. Dalam soal iklan bukan saya menentang bahasa Inggeris, tidak! Semasa saya bekerja dengan – maaf ya, semasa saya bekerja dengan *Utusan Melayu*, *Utusan Melayu* dibakar pada tahun, kalau saya tidak silap pada tahun 1967 oleh kerana mempertahankan kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kita tidak mahu dihapuskan bahasa Inggeris, kita tidak mahu, kita mempertahankan, *Utusan Melayu* dibakar di Dewan Bahasa. Itu sejarah tetapi kita tidak keliru arah kita, ke mana kita, jangan kita keliru. Jadi, demikian juga dalam soal-soal iklan, kadang-kadang kita tidak mengerti iklan bahasa Inggeris dalam TV untuk siapa? Katanya untuk elit, siapa elit? They don't say who's elit, Samy Velluis elit? Orang dalam Dewan ini elit? Siapa elit yang paling tinggi, menteri-menteri dan sebagainya? Apakah mereka tidak tahu bahasa Melayu? Siapa elit di Malaysia?

Kadang-kadang kita melaksanakan tanggungjawab ini ialah kerana kita diyakinkan oleh sesuatu yang tidak benar – bukan realiti. Kita diyakinkan oleh survey research Malaysia, A.B.C., angka-angka yang kadang-kadang dibohongi, tidak benar. Saya tahu kerana saya dari akhbar, kita boleh membohongi untuk mengatakan berapa naskhah akhbar ini dijual dan sebagainya. Kita dibohongi tetapi realiti yang sebenarnya ialah anak generasi baru yang memahami bahasa Melayu sepenuhnya. Semakin ramai *lingua franca* Malaysia sekarang, kalau kita pergi ke bank, kita jumpa orang di bank, apa bahasa yang mereka cakap? Antara bangsa Cina dan India, antara bangsa Cina dan Melayu mereka menggunakan bahasa Melayu – small talks in Malay, dalam bahasa Melayu kecuali dengan kaunter. Kadang-kadang anggapan semua orang ada bahasa Inggeris sebab itu realiti masyarakat Malaysia. Kadang-kadang anak-anak yang ibu bapa bukan Melayu sendiri, anak-anaknya sendiri – di depan mata saya sendiri, anaknya memberitahu kepada bapanya hendak pergi ke toilet dalam bahasa Melayu. Itu generasi baru yang kadang-kadang orang bukan Melayu sendiri tidak pandai berbahasa Melayu merasa malu dengan anaknya. Itu realiti.

Di samping kita tidak menolak kepentingan bahasa Inggeris tetapi untuk siapakah iklan bahasa Inggeris dalam elektronik? Untuk siapa? Kalau bahasa Inggeris dalam *Star* kita faham, dalam *New Straits Times* kita faham tetapi dalam media elektronik untuk siapa? Itu kita tidak faham dan kita diyakinkan bahawa itu mendatangkan wang, diyakinkan oleh orang-orang yang 'WOG' – Western Oriented Gentlemen yang menguasai RTM. Orang-orang ini, orang yang tidak ada keyakinan diri, tidak ada perasaan kebangsaan yang tebal, tidak ada patriotisme. Itu masalah yang kita hadapi.

Sebenarnya kita tidak sahaja memerlukan suatu reformasi ekonomi tetapi kita memerlukan suatu reformasi sosial dan reformasi moral untuk menghadapi masa hadapan. Sekarang kita berada dalam ketakutan penjajahan baru tetapi sebenarnya sejak merdeka kita tidak pernah keluar daripada penjajahan ekonomi. Sebaliknya kita memperkuat lagi dengan dasar pintu terbuka dari segi penanaman modal asing dalam pasaran saham, kewangan dan perindustrian. Kita berada dalam satu sistem antarabangsa, kita belum keluar. Kita tidak keluar dari sistem antarabangsa. Dari sejak merdeka kita berharap, kita yakin kepada apa yang selalu ditegaskan oleh

Perdana Menteri kita iaitu yang pertama, kita menyediakan makanan dan bukan peluru untuk rakyat, kita menyediakan perumahan dan bukan berek untuk rakyat, kita menyediakan pakaian dan bukannya uniform untuk rakyat iaitu kita percaya kepada dasar free enterprise daripada mula lagi. Daripada sejarah kemerdekaan kita daripada awal kita telah berpegang kepada dasar ini. Kita berharap menerusi dasar ini kita akan dapat membina kekuatan diri, suatu hari kita akan merdeka dalam erti kata yang sebenarnya dan kita harap kita 'joint them to bit them' tetapi apa yang telah berlaku we have been beaten by them.

Hari ini kita berada dalam keadaan sekalipun kita benci kepada Soros tetapi jika Soros mahu kembali memperkuatkan pasaran kita, kurang tapak tangan nyiru kita tadahkan, itu adalah realiti. Ini adalah satu realiti yang amat pahit. Komunis dan sosialis pun akhirnya menerima hakikat ini, bukan kita sahaja dan kita yang turut menjadi kapitalis dengan harapan akan selamat akhirnya dimamah dan hampir ditelan oleh kapitalis raksasa..

Pemimpin kita percaya bila manusia mempunyai banyak wang mereka akan menaburkan wang dan merahmatkan orang lain tetapi rupanya budaya kapitalisme tetap mementingkan keuntungan yang lebih besar sekalipun terpaksa menyebabkan penderitaan kepada berjuta manusia dan menjijak kemanusiaan untuk menegakkan empayar yang lebih besar. Soros telah membuktikan ini. Jika budaya ini benar bagi kapitalis besar, tentunya benar juga bagi kapitalis kecil. Banyak 'Soros' kecil di Malaysia saya kira. Sekalipun kita tidak mahu mengakui hakikatnya tetapi itulah hakikatnya. Maka itu dasar dan kepercayaan kepada 'trickle down' tidak selalunya benar, walaupun benar, tidak selalunya benar. Saya tidak mengatakan tidak benar tetapi tidak selalunya benar.

Saya meragukan apakah benar bahawa kemanusiaan manusia menjadi semakin tinggi apabila semakin kaya atau sikap – meminjam kata-kata Perdana Menteri sendiri, sikap penyangak bertambah rakus setelah menjadi lebih kaya. Di sebalik kita mencanangkan 'caring society' kita melihat ketamakan daripada pembakaran anak ayam untuk mencari keuntungan sampai kepada ketamakan para doktor yang sepatutnya menjadi model benteng kepada kemanusiaan. Soal doktor tamak ini bukan satu soal yang – saya sendiri mengalami dan bila sampai masanya saya akan ceritakan. Memang betul matlamatnya, bila sampai kepada doktor apa set yang mesti pakai, mesti ada matlamatnya.

Kemudian banyak perkara yang di luar kemanusiaan berlaku. Ini adalah pengalaman yang pahit, pengalaman yang menyentuh maruah dan kedaulatan kita. Tidak dapat dinafikan dalam menuju ke arah materialisme kita selalunya mengingatkan diri kita tentang spiritualisme, tentang kerohanian tetapi apakah kita jelas dalam hal ini? Memang dalam dunia kapitalis terdapat kecenderungan menyekutukan kebaikan dengan kekuatan, keburukan dengan kelemahan atau kebaikan adalah kejayaan ekonomi dan keburukan adalah kemiskinan. Ini adalah nilai Mammon yang pada akhirnya akan membawa kepada malapetaka nasional, the national tragedy, economic catastrophe, keruntuhan ekonomi, keretakan sosial dan kegawatan politik. Inilah hakikat yang sedang kita hadapi sekarang.

Walaupun kita mahu akui atau tidak itulah hakikatnya kalau diberitahu oleh antropologi atau ahli sosiologi kita tidak percaya tetapi itu hakikatnya yang kita hadapi tetapi kita tidak dapat lari, kita terpaksa berjuang dalam arena ini juga. Maka itu, bila kita menghadapi kegawatan ekonomi sebahagian daripada ahli korporat – bukan semua, yang hilang pegangan, yang tidak jelas tentang nilai sosial dan moral dan tanggungjawab sosialnya, yang telah sebat dengan materialisme – telah dengan sertamerta menjadikan Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai sasaran kemarahan mereka dan mereka takut dengan suara-suaranya yang bersifat patriotisme dan nasionalisme.

Mereka takut bahawa tiap kali Dato' Seri Dr. Mahathir bersuara, saham akan jatuh. Itu ketakutan mereka. Tiap kali Dato' Seri Dr. Mahathir bersuara, berdebar jantung mereka kerana tidak ada keyakinan mereka, tidak ada patriotisme, tidak ada

nasionalisme dalam diri mereka. Yang ada hanyalah materialisme. Inilah masalah yang dihadapi oleh Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri dalam menghadapi kegawatan dan kadang-kadang beliau sendiri pernah menyatakan merasakan kesunyian. Apakah hakikatnya? Hakikatnya ialah matlamat kita tidak jelas, ke mana kita hendak pergi? Matlamat kita tidak jelas tentang materialisme, tidak ada suatu panduan yang jelas, kadang-kadang kita sendiri terbawa-bawa dan melupakan diri kita pada hakikat yang sebenarnya.

Bagaimanapun kita terpaksa berjuang dalam keadaan ini juga, kita hanya seharusnya melihat di mana langkah kita yang salah dan langkah kita yang benar. Maka itu, kita merasa bangga pemimpin kita, Dato' Seri Dr. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, terus ke hadapan dalam perjuangan untuk membetulkan beberapa aspek dalam sistem kapitalisme yang tidak betul dan akhirnya beliau menuntut pembebasan dari kuasa pasaran di Persidangan G15 di Kaherah tetapi hal ini tidak mudah, lebih mudah bersuara dalam keadaan kita menghadapi cabaran ekonomi. Kita melihat kegoyangan, kegoncangan dan ketidakpercayaan diri dalam ASEAN sendiri, masing-masing cuba untuk melepaskan diri masing-masing. Kita melihat dengan rasa kebimbangan terhadap, walaupun ada keyakinan tetapi kadang-kadang kita melihat ada negara-negara ASEAN yang cuba bersendirian dalam menghadapi keadaan ini.

Bagaimanapun masalah yang kita hadapi ialah masalah bagaimana kerajaan sendiri telah.....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Hanipah bangun minta laluan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Minta laluan. Saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi menyatakan sekarang ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir berada dalam kesunyian, bolehkah Yang Berhormat takrifkan apakah pengertian tentang 'kesunyian' itu?

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang ingatan saya beliau menyatakan ini di Terengganu sekembalinya daripada menghadiri satu sidang dan saya rasa bahawa saya tidak tahu apa yang dimaksudkan dengan 'kesunyian' tetapi barangkali orang-orang biasa, orang-orang yang ramai daripada kalangan korporat datang semasa 'bunga berkembang'. Semasa 'bunga berkembang' semakin ramai tetapi apabila menghadapi kegawatan, barangkali masing-masing menjauhkan diri, itu sahaja. Saya tidak boleh mentafsirkan, terpaksa tanya kepada Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri apa yang dimaksudkan tetapi ucapan itu ada, boleh dicari di dalam akhbar.

Jadi, masalahnya sekarang ialah bagaimana kita hendak hidup dalam sistem yang ada. Apa yang telah dinyatakan oleh seorang pemimpin kerajaan semalam ialah bahawa kita harus menunjukkan kepercayaan kepada penanaman modal jangka panjang dan bukan kepada bursa saham. Jadi, untuk ini saya rasa keyakinan kerajaan sendiri yang harus menunjukkan kehairahan untuk membuktikan bahawa kerajaan sendiri dan juga dengan mendorong rakyat supaya lebih yakin kepada pelaburan jangka panjang daripada meletakkan keyakinan kepada pasaran saham sebagai suatu langkah untuk mendapat kekayaan dengan cepat kepada rakyat dan juga negara sebagai suatu jentera yang akan menggerakkan ekonomi negara dengan cepat. Jadi, perkara ini harus dibetulkan jika sekiranya kerajaan benar-benar jujur dan benar-benar berhasrat untuk menjadikan pelaburan jangka panjang sebagai langkah ke arah petunjuk ekonomi negara.

Saya yakin kita masih mempunyai masa untuk mengimbangi kesilapan orang dengan kesilapan kita dan untuk merangkakan satu lagi 'affirmative action' atau satu reformasi ekonomi yang dapat menjamin distributive justice dan kedaulatan moral dalam pembangunan penswastaan dan kekayaan negara. Jika 13 Mei dapat mewujudkan satu transformasi sosial dan ekonomi yang dapat dilihat dalam penyatuan fikiran dan semangat menghadapi kegawatan ekonomi, maka kegawatan ekonomi diharapkan agar dapat mewujudkan satu dasar ekonomi yang dapat menjamin dynamic

equilibrium yang memastikan tanggungjawab moral dan sosial orang-orang yang diberi peluang untuk menjadi 'reasonably rich' dan bukannya 'megarich'.

Generasi baru mengharapkan kerajaan dapat 'conceptualise'kan dan articulate satu dasar ekonomi negara yang dapat mengimbangi antara keperluan materialisme dan idealisme supaya Vision 2020 bagi pembentukan keperibadian bangsa dalam acuan sendiri tidak menjadi mockery. Dalam kata-kata lain, generasi baru mengharapkan kegawatan ekonomi akan menjadi pemangkin kepada pengwujudan suatu reformasi ekonomi yang berdaya mengembangkan reformasi moral. Jika demokrasi Barat dapat kita reformasikan kepada reformasi ala- Malaysia, kenapakah kita tidak boleh mereformasikan sistem kapitalis Barat kepada sistem kapitalis Asia atau Malaysia yang membolehkan kita bebas daripada kuasa pasaran asing. Kita boleh kalau kita tidak tamak.

Saya masih ingat, kata Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dalam melancarkan Amanah Saham Angkasa baru-baru ini bahawa manusia bila kaya mereka biasanya lupa kepada tanggungjawab sosial. Itu Timbalan Perdana Menteri sendiri yang menyatakan. Untuk menegakkan suatu sistem sosial yang adil, pemimpin mesti tidak sahaja nampak jujur kepada rakyat tetapi jujur kepada diri sendiri. Pemimpin mesti sanggup hilang kuasa untuk identiti dan bukan hilang identiti untuk kuasa. Pemimpin mesti sanggup korbakan politik wang dalam kancah politik yang memerlukan wang. Kita boleh menafikan dengan kata-kata kita tidak melakukan ini tetapi kita tidak boleh menafikan daripada mata-mata yang akan bercerita tentang siapa-siapa. Sama ada benar atau tidak ramalan media asing terhadap masalah politik.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, seorang lagi Yang Berhormat bangun meminta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon laluan. Saya memang salah seorang peminat Yang Berhormat dalam bidang wartawan. Yang Berhormat ada menyebut bahawa pemimpin mesti mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada sistem politik di negara kita sekarang ini sesuai dengan kehendak falsafah seperti yang dimaksudkan tadi.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, siapa saya hendak menyatakan ini [*Ketawa*] tetapi saya kira boleh kalau kita jujur. Ada negara yang boleh dijadikan contoh, kalau kita ada kejujuran, saya ingat boleh. Kalau benar kita mengatakan saya tidak mengamalkan politik wang tetapi benar-benar tidak mengamalkan politik wang, saya ingat boleh!

Sama ada benar atau tidak ramalan media asing terhadap masalah politik, ekonomi dan sosial dalam negara adalah bergantung kepada sikap rakyat dan sikap pemimpin sendiri. Kredibiliti media asing akan tercabar lagi sekiranya rakyat dapat membuktikan pembohongan mereka seperti kita telah buktikan kejayaan kita keluar dari tragedi 13 Mei dan kekeramatan DEB dan menidakkan semua ramalan Prophet of Doom dari Barat termasuk DAP sendiri. Kerajaan mesti meneruskan dasar pintu terbuka kepada maklumat dari luar bagi menunjukkan kepercayaan kepada sebahagian besar rakyat Malaysia yang tidak begitu bodoh untuk mengenali antara pembohongan dan kebenaran.

Suatu hal yang agak menyedihkan ialah dua akhbar yang telah pun disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, sepatutnya saya tidak sebut lagi tetapi mungkin dengan cara yang lain iaitu dua akhbar intelektual British yang terkemuka yang saya sendiri, di hati kecil saya menghormatinya iaitu *Observer* dan *Independent* yang dianggap mempunyai kredibiliti yang tinggi dan highly respected telah merasa perlu untuk berkelakuan seperti media cowboy – media cowboy ini adalah *Times*, *CNN* dan banyak lagi – ia menyakinkan dunia dengan cara tembakan, kebisingan,

kegemparan, kebiadapan dan kegelojohan dan media British tidak begitu. Kelakuan ini bertentangan sama sekali dengan peradaban British yang halus, tinggi dan penuh diplomasi yang selama ini disanjung tinggi terutama dalam hati kecil kita orang-orang Malaysia. Kita melihat perbezaan di antara British dan Amerika. Kita melihat dua perbezaan yang paling besar, umpamanya kalau saya melihat bagaimana tangkapan terhadap pick pocket dalam bas di London. Dia tidak tangkap secara heboh-heboh, secara senyap dia bawa turun - menghormati manusia, tetapi tidak di Amerika, ditangkap, digarikan di motokar dan orang yang digari itu berteriak-teriak – budaya yang hodoh sekali.

Dan demikian juga kita dipengaruhi oleh media ini. Kalau kita melihat sesuatu masalah yang timbul bagaimana approach media Amerika, kita menjadi gempar dengan pelbagai interview seolah-olah seluruh dunia itu sudah hancur. Itu cara approach The American media tetapi lain cara British, tetapi malangnya *Observer* dan *Independent* berasa perlu untuk menjejaki media cowboy ini. Saya tidak mahu menyatakan apa-apa tetapi tentang tuduhan bahawa Malaysia meracuni orang Indonesia, rekod kita di Bangsa-Bangsa Bersatu pun ada, semua badan-badan Bangsa-Bangsa Bersatu pun tahu bahawa kita bukan demikian. Kegawatan ekonomi telah meninggikan maruah kita, telah membolehkan kita menyuapkan nasi kepada berjuta manusia yang telah menyakinkan rakyat Malaysia terhadap kebesaran diri sendiri bahawa negara kecil tetapi kita sanggup menyuap nasi kepada berjuta manusia daripada luar – dari Bangladesh dan Indonesia. Bezakanlah kemanusiaan kita dengan apa yang dianggap sebagai kebinatangan kita oleh kedua-dua akhbar ini.

Tuduhan ini adalah tuduhan yang sangat berat, tuduhan yang palsu, libel dan malicious yang tidak harus dibiarkan berlalu begitu sahaja. Dengan ikhlas saya meminta Kerajaan Malaysia, kalau mahu dengar; kalau tidak, tidak apa-apa iaitu saya meminta Kerajaan Malaysia supaya mengembalikan keperibadian akhbar Ingeris kepada tradisi objektif dan benar dengan mengambil tindakan undang-undang kepada akhbar yang berkenaan. Kita boleh mengambil tindakan. Saya ingat kita boleh mengambil tindakan undang-undang kepada kedua-dua akhbar ini dan jika kita menang kita hanya minta satu penny dari mereka, jangan minta lebih, hanya kita minta satu penny. Jiran kita telah membawa beberapa akhbar asing untuk menyembah kaki mereka – jiran kita yang kecil. Untuk mengajar orang-orang ini ialah hit their pockets, itu budaya mereka. Kita mesti mengambil tindakan undang-undang. Saya menyeru Kerajaan Malaysia mengambil tindakan, jangan membiarkan perkara ini.

Saya ingat saya tidak perlu untuk memanjangkan lagi ucapan saya tetapi pada akhirnya saya hanya menyentuh sedikit tentang masalah besar yang saya kira dan saya ingat tidak ada masalah yang besar lagi iaitu masalah yang paling besar. Kalau kita perkatakan pun, kita adakan pelbagai undang-undang tetapi tidak berguna iaitu ini kita harus akui sebagai satu masalah, satu kegawatan dalam politik di negara kita. Kita telah mewujudkan pelbagai undang-undang bagi pengawalan kebersihan, pengindahan bandar, penjagaan alam sekitar dan macam-macam lagi undang-undang yang kita lahirkan dan kita wujudkan tetapi kita lebih dilihat mempunyai nafsu yang besar untuk mengadakan undang-undang tetapi lemah dalam kesanggupan dan keupayaan untuk melaksanakan atau menguatkuasakan undang-undang.

Keinginan pegawai-pegawai kerajaan untuk bertegas dalam melaksanakan undang-undang, kadang-kadang dilemahkan oleh ahli-ahli politik sendiri yang lebih memikirkan kepentingan-kepentingan politik daripada kepentingan orang ramai. Padahal orang-orang politiklah menjadi sebagai legislator, sebagai pembuat undang-undang. Saya suka mengambil apa yang telah dinyatakan oleh Ketua Setiausaha Negara sendiri pada 13.4.1998 dalam *Utusan Malaysia* iaitu katanya:

*“Adalah tidak adil bagi pegawai terbabit yang menjalankan tugas mengikut peraturan jika ditekan, dihalang atau diganggu oleh orang politik yang beranggapan tindakan pegawai itu merugikan dari segi politik.”*

Ini dinyatakan oleh Ketua Setiausaha Negara sendiri. Saya juga merasa dukacita kerana setengah-setengah pemimpin politik, dari pengalaman saya sendiri, mempunyai sikap negatif terhadap pendedahan yang dibuat oleh media terhadap

kelemahan-kelemahan pegawai-pegawai kerajaan atau kakitangan-kakitangan di pejabat-pejabat daerah, pejabat-pejabat tanah ataupun di dalam menjaga pengindahan bandar, mereka menganggap ini sebagai sesuatu yang memberikan kesan positifnya kepada mereka tetapi pada pandangan saya dan dari pengalaman saya apabila pendedahan ini dibuat oleh akhbar ada kesan negatifnya dari segi membersihkan kekotoran, dari segi memperbaiki keadaan, dari segi memberi perhatian kepada sesuatu keluarga dan sebagainya.

Umpamanya pendedahan terhadap kekotoran, perumahan haram dan kelalaian yang lain yang dilihat akan memberi kerugian politik kepada mereka tetapi sebenarnya pendedahan sebegini adalah memberikan feedback bagi membolehkan tindakan diambil dan pada akhirnya melahirkan pentadbiran yang bersih, cekap dan popular. Dalam soal ini pemimpin haruslah sanggup mengorbankan populariti jangka pendek untuk mendapatkan populariti jangka panjang. Setelah rakyat melihat hasil, kita akan mendapat populariti jangka panjang dan merasakan kesan dari tindakan yang tidak popular. Apabila berkuasa kita terus melaksanakan apa yang kita mahu dan jangan membiarkan masalah-masalah sosial seperti kepentingan politik menghalang, meletakkan tanda (signboard) parti politik boleh mendirikan rumah haram umpamanya, tetapi tindakan mestilah secara tegas daripada awal, kemudian dalam jangka panjangnya kalau rakyat melihat kesannya, lima tahun kemudian akan dipilih semula. Kita mencari populariti dari kesan keupayaan mengambil tindakan secara yang tegas.

Jadi, itulah sedikit sahaja iaitu apa yang saya rasa amat kesal sekali ialah apa yang berlaku di Pulau Pinang. Saya merasa amat sedih bahawa dalam keadaan kegawatan ekonomi berlaku, saya merasa hairan bagaimanakah masalah ini tidak dapat dimonitor, tidak dapat didetect, tidak dapat dikesan dari awal dan tiba-tiba meletup dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi. Walaupun barangkali kita boleh ada excuse, umpamanya Kerajaan Amerika Syarikat juga telah gagal untuk detects tindakan India meletupkan bom atomnya sebagai satu kegagalan intelligence yang paling besar dan paling memalukan Amerika dan itu tidak bolehlah dijadikan excuse dalam kita menghadapi satu masalah yang lain, satu masalah yang sepatutnya telah dapat kita monitor, telah dapat kita tahu daripada awal lagi.

Saya tidak tahu bagaimana kegagalan pihak keselamatan, pihak polis, pihak intelligence kita tidak dapat menggagalkan kemungkinan tercetusnya satu kebangkitan yang agak memalukan setelah beberapa puluh tahun kita berada dalam satu kedamaian yang menyakinkan. Hal ini saya tidak tahu bagaimana berlaku. Dalam pada itu saya hendak menyampaikan banyak terima kasih kepada pihak polis khususnya Ketua Polis Negara dalam mengambil tindakan-tindakan yang menyakinkan dalam menghadapi kegawatan ekonomi ini terutamanya di dalam menghadapi masalah-masalah jenayah dan menggagalkan beberapa usaha untuk memburukkan lagi keadaan negara.

Sekian dan terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii.

5.17 ptg.

**Dato' Ting Check Sii:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi kesempatan keemasan ini untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan rasa penghargaan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan Malaysia kerana sudi melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara sekali lagi. Saya berjanji akan cuba dengan sedaya-upaya melaksanakan tugas saya. Memandangkan masa agak terhad, izinkan saya terus menyentuh isu-isu utama yang pada hemat saya amat penting dibangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Sarawak merdeka dalam Malaysia 35 tahun yang lalu, kita telah menyaksikan banyak perubahan dan pembangunan berlaku di Sarawak. Kadar pembangunan dan perubahan ini bertambah ketara dan besar khususnya di

bawah Kerajaan Barisan Nasional. Dengan kerajaan yang stabil dan kukuh, kerjasama serta persefahaman di antara pelbagai kaum dan perhatian serta bantuan Kerajaan Pusat, saya percaya Sarawak dapat terus maju dan mencapai suatu tahap pembangunan yang lebih tinggi serta membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah bertahun-tahun negara kita menikmati suasana ekonomi yang teguh dan berkembang dengan pesat, kita memang tidak menduga sama sekali dengan tiba-tiba sahaja negara kita turut dilanda kegawatan ekonomi yang menular di seluruh rantau ini disebabkan keluasan dana. Dengan penduduknya bertaburan di seluruh negeri adalah menjadi satu usaha yang amat sukar dan mencabar untuk membangunkan ekonomi Sarawak. Sekiranya perhatian khas dan pertimbangan istimewa tidak diberi kepada negeri Sarawak dalam kegawatan ekonomi ini, maka saya khuatir Sarawak akan ketinggalan dalam arus pembangunan dan kembali ke tahap pembangunan seperti sebelum di bawah Kerajaan Barisan Nasional nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita mengalami kegawatan ekonomi beberapa projek mega telah dirancang untuk dilaksanakan di Sarawak demi mempercepatkan lagi langkah pembangunan. Malangnya, berikutan kegawatan ekonomi, projek-projek tersebut telah ditangguh atau diberhentikan. Memandangkan tahap pembangunan negeri Sarawak masih rendah dan di belakang beberapa negeri lain, maka saya merayu supaya Sarawak diberi pertimbangan khas. Projek-projek yang telah lama penduduk Sarawak tunggu seperti Jambatan Durin di Sibu dan hospital-hospital di Sarikei dan Sri Aman haruslah diteruskan. Projek seperti Hidroelektrik Bakun yang akan menjadi pemangkin kepada proses perindustrian di negara ini pada amnya dan Sarawak khususnya haruslah diteruskan pelaksanaannya sebaik sahaja keadaan ekonomi pulih dan mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Sarawak dipisahkan daripada Semenanjung Malaysia oleh Laut China Selatan, maka usaha kita untuk menanamkan semangat perpaduan rakyat di antara kedua-dua kawasan telah menjadi satu cabaran yang amat besar. Kita harus menggalakkan rakyat di kedua-dua kawasan ini kunjung mengunjungi di antara satu sama lain. Malangnya, ketiadaan satu sistem pengangkutan yang berkesan dan economical telah menghalang mereka berbuat demikian. Kerajaan haruslah mencari jalan lain selain daripada mengarahkan pihak MAS mengurangkan tambangnya dan menambahkan lagi penerbangannya khususnya dalam cuti perayaan dan cuti sekolah untuk merapatkan lagi penduduk di kedua-dua kawasan ini. Usaha ini adalah selaras dengan seruan kerajaan untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri.

Sebenarnya Sarawak tidak kekurangan tempat peranginan. Gua Mulu dan Gua Niah adalah di antara tempat peranginan yang terkenal di dunia. Jika masalah kos pengangkutan dapat diatasi, saya yakin jurang di antara penduduk di kedua-dua kawasan dapat dirapatkan dan perpaduan rakyat dapat diperkukuhkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai penduduk di Sarawak berasa harga barangan buatan tempatan di Semenanjung Malaysia adalah terlalu tinggi di Sarawak. Sebagai contoh, perbezaan harga sebuah kereta nasional ialah dalam lingkungan RM3,000 dan sebuah buku 50 sen. Disebabkan kos pengangkutan kita setuju harga barangan di Sarawak adalah lebih tinggi sedikit tetapi ia haruslah berpatutan. Sekiranya satu sistem pengangkutan yang efisien dan economical di antara kedua-dua kawasan, maka masalah perbezaan akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkukuhkan lagi aspirasi kerajaan demi mewujudkan satu masyarakat penyayang, ada ramai dermawan tempatan yang ingin menderma kepada tabung-tabung pendidikan, kesihatan, kebajikan dan sukan. Walaupun ada peruntukan dan saluran tertentu untuk memohon supaya derma-derma ini dikecualikan daripada cukai pendapatan tetapi prosesnya agak lama dan panjang. Kadang-kadang ini menyulitkan semua pihak yang terlibat. Demi menggalakkan lebih ramai dermawan tampil ke hadapan untuk menderma demi tujuan murni, proses untuk memohon pengecualian daripada cukai pendapatan haruslah dipermudahkan. Saya mengesyorkan resit derma yang ditandatangani balas (counter-sign) oleh seorang pegawai kerajaan kanan seperti residen atau pegawai daerah adalah memadai untuk

memohon pengecualian daripada cukai pendapatan. Usaha ini akan juga meringankan beban semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ekonomi sekarang, saya bersetuju dengan kerajaan untuk tidak melanjutkan perkhidmatan pegawai perubatan warga asing sebaik sahaja luputnya kontrak mereka. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang sewajarnya haruslah diambil supaya penamatan perkhidmatan mereka tidak menjejaskan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada rakyat kita khasnya bagi golongan yang kurang berkemampuan dan di kawasan pedalaman. Saya juga mencadangkan supaya universiti tempatan menerima lebih ramai lagi penuntut perubatan agar kita tidak bergantung kepada perkhidmatan pegawai perubatan negara asing lagi.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan masalah kegawatan ekonomi, bilangan pesakit di hospital kerajaan telah meningkat. Mereka memerlukan lebih banyak ubat-ubatan. Sebaliknya sebagai salah satu langkah berjimat cermat, kerajaan telah mengurangkan peruntukan kepada pihak hospital. Ini telah sedikit sebanyak menjejaskan perkhidmatan perubatan kepada pesakit di hospital kerajaan. Di sini ingin saya mengesyorkan bahawa peruntukan bagi perkhidmatan kesihatan tidak dikurangkan dan syarikat farmasi dibenarkan membuka kedainya di hospital kerajaan untuk memudahkan pesakit yang berkemampuan membeli ubat-ubatan yang diperlukan pada harga yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, bidang teleperubatan dan teleperundingan yang berpotensi mengatasi masalah kekurangan pakar perubatan dan pembedahan haruslah diperluaskan ke seluruh pelosok negara, dari hospital besar peringkat negeri hinggalah ke pusat-pusat kesihatan kecil di desa. Ini dapat menjamin supaya semua doktor yang berkhidmat di negara ini berpeluang mendapat khidmat nasihat para pakar dari hospital-hospital besar. Yang lebih penting lagi kewujudan teknologi ini sangat bermakna kepada penduduk di kawasan pedalaman umpamanya di Sarawak kerana selama ini ramai di antara mereka yang terpaksa menghabiskan masa berjam-jam di dalam bot atau kenderaan untuk pergi ke hospital besar bagi mendapatkan khidmat rawatan pakar.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini hospital swasta memainkan peranan penting menyediakan kemudahan kesihatan. Namun demikian, caj yang dikenakan kepada pelanggan mereka adalah lebih tinggi berbanding perkhidmatan kesihatan kerajaan. Ini memang tidak dapat dielakkan memandangkan hakikat bahawa hospital-hospital swasta ada menggunakan teknologi perubatan yang sangat mahal serta canggih dan mereka tidak mendapat peruntukan kerajaan untuk membiayai kos operasi mereka. Ekoran itu golongan yang tidak berkemampuan tidak mempunyai peluang mendapat khidmat kesihatan daripada hospital-hospital swasta. Tren ini telah mendorong kerajaan menghendaki hospital-hospital swasta menyediakan wad khas bagi golongan yang tidak berkemampuan ini. Sungguhpun demikian, ramai yang berasa bimbang pesakit-pesakit di wad khas ini akan mendapat perkhidmatan kesihatan yang bertaraf kelas kedua atau ketiga berbanding dengan golongan berada yang mendapat perkhidmatan kesihatan kelas pertama.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Keadaan ini tidak seharusnya berlaku kerana apabila kita berbicara mengenai soal kesihatan, semua lapisan masyarakat tak kira kaya atau miskin, tak kira kaum dan jantina, berhak mendapat perkhidmatan kesihatan yang sebaik mungkin. Oleh yang demikian, kerajaan haruslah memastikan bahawa kualiti perkhidmatan kesihatan yang disediakan kepada pesakit-pesakit di wad tersebut tidak diabaikan atau dianaktirikan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mencapai satu prestasi yang cemerlang dalam Sukan SEA yang telah berlangsung di Indonesia pada akhir tahun lalu. Bilangan pingat emas yang dimenangi melebihi 'target' yang telah ditetapkan. Tahniah dan syabas, walaupun terlewat sedikit diucapkan kepada semua yang terlibat untuk mengharumkan nama Malaysia di arena sukan antarabangsa. Ini adalah satu

bukti konkrit bahawa "*Malaysia Boleh*" jika kita benar-benar serius terhadap sesuatu. Justeru itu, saya berharap Sukan Komanwel Ke-XVI akan mendapat perhatian dan peruntukan yang secukupnya untuk menjayakan temasya sukan tersebut dengan gilang-gemilang. Ini adalah sangat penting kerana temasya sukan tersebut, yang kedua besarnya di dunia selepas Sukan Olimpik, bakal menguji keupayaan Malaysia mengendalikannya acara-acara bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita meraikan kejayaan dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan, janganlah kita lupakan pertubuhan-pertubuhan sukan di peringkat negeri dan daerah. Sumbangan mereka tetap dihargai, tanpa sumbangan dan komitmen mereka, tiadalah atlet kita di peringkat kebangsaan. Justeru itu, saya merayu supaya pemberian bantuan kewangan, walaupun sedikit sahaja, haruslah disalurkan ke peringkat daerah demi meringankan beban kewangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa bangga kerana kejayaan kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan awam telah mendapat sokongan daripada masyarakat umum dan pengiktirafan daripada negara-negara lain yang menjadikan negara kita sebagai contoh. Namun begitu, usaha penswastakan masih dapat dipertingkatkan dan memerlukan perhatian rapi. Mutu perkhidmatan dan bayaran yang dikenakan mestilah dikawal dan sekurang-kurangnya dikekalkan setanding dengan sebelum ia diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, buat pertama kalinya dalam sejarah negara kita, kita sekarang mengalami kekurangan bekalan air di beberapa kawasan di seluruh negara. "*Sediakan payung sebelum hujan*", sebelum situasi menjadi lebih teruk, kita mesti cari jalan untuk mengatasinya. Selain daripada mencari punca air baru dan sentiasa mengingatkan rakyat kita menghargai air, mencintai sungai dan sebagainya. Saya mencadangkan supaya paip air di antara negeri disambung dan dijadikan satu sistem.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian dan kejayaan Malaysia dalam pelbagai bidang dan arena telah menimbulkan perasaan cemburu di kalangan rakyat negara asing. Ada di antara mereka yang cuba dengan sedaya upaya melalui media massa antarabangsa untuk menjatuhkan nama baik negara kita. Saya terkejut apabila saya mendengar satu laporan daripada satu perbadanan penyiaran antarabangsa bahawa Sukan Komanwel Ke-XVI yang dijadualkan berlangsung di tanah air kita pada September tahun ini akan dipindahkan ke negara lain.

Laporan lain yang menyatakan bahawa negara ini meracun dan membunuh pendatang haram juga tidak berasas sama sekali. Laporan-laporan negatif lain juga selalu dilemparkan ke atas negara kita. Saya mencadangkan negara kita mesti menubuhkan satu pasukan petugas khas untuk menentang laporan-laporan negatif yang kurang adil ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai keyakinan penuh kepada pucuk pimpinan kita yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam menangani segala cabaran negara pada masa ini. Kepimpinan beliau begitu menyerlah di kalangan negara-negara membangun tatkala menghadapi krisis tekanan dan penindasan ekonomi negara-negara maju. Beliau juga telah berjaya menyedarkan pemimpin kerajaan lain mengenai kesan negatif spekulasi mata wang dan manipulasi ekonomi dunia secara berlebihan. Saya ingin merakamkan rasa terima kasih dan penghargaan saya kepada Perdana Menteri kita atas semua usaha yang telah beliau laksanakan demi pembangunan, kemakmuran dan maruah negara kita selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor.

**5.37 ptg.**

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kesembilan pada 23 Mac 1998 yang lalu. Keprihatinan dan kepekaan Yang di-Pertuan Agong yang turut memperkatakan permasalahan ekonomi, menggambarkan kegawatan cukup dibimbangi sekiranya tiada pendekatan proaktif dan ketulusan diamalkan oleh kerajaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita sedang menghadapi dengan masalah kegawatan ekonomi yang menyebabkan barangan keperluan terlepas daripada kawalan kerajaan. Kesannya cukup dirasakan oleh masyarakat bawahan seperti peneroka di tanah-tanah rancangan, petani di kampung-kampung dan nelayan yang terpaksa bergadai nyawa di lautan yang luas. Dalam keadaan inflasi sekarang, berlaku susutan nilai Ringgit yang menyebabkan kuasa beli pengguna juga merosot.

Tuan Yang di-Pertua, ini menjadikan taraf hidup penduduk telah jatuh, bebanan hidup meningkat secara mendadak, konsep masyarakat penyayang yang dicanangkan sebelum ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Biar pun Malaysia tidak berkeseorangan dalam menghadapi kegawatan ekonomi ini, tetapi kita perlu mengambil langkah yang serius bagi mengatasi. Sebelum ini negara kita dan anggota ASEAN telah mampu menarik minat korporat dan pemegang dana dari seluruh negara dunia. Pelabur luar yang bertandang ke ASEAN pada tahun 1986 mencecah ke angka 385 bilion.

Kebangkitan Asia cuma mengambil masa 30 tahun sahaja berbanding dengan Amerika Syarikat yang terpaksa merangkak hampir 100 tahun untuk berdaya maju. Tiba-tiba setelah nilai hartanah di Thailand merundung, kejayaan yang dicapai dan dinikmati hampir selama 30 tahun makin terhakis. Inilah kuasa Allah S.W.T. memiliki langit dan bumi, walau sebijak mana manusia merancang tetapi ketentuan dari Allah S.W.T. Kini kemasukan modal asing semakin berkurangan, mengapakah perkara ini berlaku, kita tidak perlu menuding jari pada orang lain untuk mencari kesalahan dan kesilapan. Marilah sama-sama kita bermuhasabah diri kita, sejauh manakah kita benar-benar menjadi orang-orang yang bersyukur dengan nikmat Allah dan benar-benar memanfaatkan kekayaan yang ada untuk ke jalan Allah. Sejauh manakah kita mengagihkan kekayaan yang dinikmati dengan adil dan saksama. Kita tidak mahu harta kekayaan dimonopolikan oleh golongan tertentu sahaja. Sehubungan itu orang kaya akan menjadi bertambah kaya sedangkan orang yang miskin tidak dapat meningkat kualiti hidupnya.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan bukan sahaja memaksa harga barangan naik mendadak malah lebih malang lagi ramai di kalangan kaum pekerja turut kehilangan sumber pendapatan, seperti 'Sudah jatuh ditimpa tangga'. Mengikut data terakhir sehingga April lalu, seramai 19,550 pekerja sudah diberhentikan sejak tiga bulan pertama tahun ini, manakala 12,028 orang sudah kehilangan pekerjaan antara Jun dan Disember tahun lalu. Ini bermakna sejak kegawatan melanda sudah 31,578 pekerja kehilangan sumber pendapatan. Bilangan ini belum lagi diambil kira pekerja yang dibuang tanpa dirujuk kepada Jabatan Buruh. Bagaimana pula dengan 10 peratus dari 30 pekerja di sektor perbankan, gabungan institusi kewangan turut mengundang berita malang kepada kakitangan bank yang bakal menjadi penganggur. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia pula mendedahkan 65 peratus jumlah yang diberhentikan kerja adalah golongan wanita, biar pun mereka sebahagian besarnya bukan tunggak keluarga namun pendapatan sampingan bagi sesebuah keluarga sudah hilang. Lebih-lebih lagi mereka yang tinggal di bandar besar sejumlah besar gaji sudah dihabiskan untuk membayar rumah sewa sehingga RM400-RM600 sebulan. Bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana, apakah kerajaan sudah mendapat petunjuk yang boleh dihalalkan bagi membolehkan majikan membuang pekerja sesuka hati hanya di atas nama kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, apakah amalan politik suku sakat menjadi kegerunan kepada pelabur luar untuk kembali ke negara ini. Mungkinkah orang tertentu yang dekat dengan pemerintah sahaja yang dapat mengaut keuntungan berlipat ganda, sedangkan usahawan kecil dan sederhana yang baru merangkak di alam korporat dibiarkan lemas terkapai-kapai tanpa sebarang pembelaan dan sebahagiannya terpaksa menggulung tikar. Yang di-Pertuan Agong di dalam titahnya menyebut usaha-usaha ke arah mengekalkan pertumbuhan yang mampan mesti diteruskan berasaskan pertumbuhan yang didorongkan oleh produktiviti dan kualiti terutamanya dari segi pembangunan sumber manusia serta kepakaran teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, di tengah-tengah kegawatan ekonomi, tiba-tiba negara kita dicemaskan lagi dengan kekurangan bekalan air di Lembah Klang. Keadaan jerebu bertandang kembali disebabkan kebakaran hutan di negara kita sendiri. Krisis air ini 1.2 juta rakyat terutamanya golongan bawahan dan sederhana.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada ahli minta laluan, Yang Berhormat. Ada nampak minta laluan ya.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Maaflah saya hendak ambil peluang sedikit sahaja.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Sedikit sahaja.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Krisis air ini 1.2 juta rakyat terutamanya golongan bawahan dan sederhana terpaksa membeli bekas plastik dengan harga yang berlipat kali ganda semata-mata untuk memenuhi keperluan hidup. Di Lembah Klang catuan bekalan air selang sehari dari jam 11 pagi hingga 11 malam tidak pernah berlaku sebelum ini kecuali pada zaman darurat. Mengapakah kehadiran hujan masih tidak mampu untuk meningkatkan paras ketinggian air di empangan-empangan. Sehubungan itu kita sepatutnya insaf dan kembali kepada Allah S.W.T dengan apa yang berlaku pada hari ini dan pada masa akan datang. Yang di-Pertuan Agung dalam titahnya berharap bekalan air untuk domestik dan industri hendaklah mencukupi dan kerajaan diharapkan dapat memastikan agensi-agensi yang terlibat menguatkuasakan undang-undang dengan berkesan agar tidak berlakunya pencemaran di kawasan punca air. Biarpun teguran dan peringatan telah dibuat beberapa kali, namun akibat kerakusan manusia kawasan tadahan ini sudah berani dicerobohi.

Laporan media masa didapati beberapa kawasan berdekatan empangan di Selangor yang tidak sampai 10 kilometer dari kawasan tadahan terjejas teruk akibat daripada aktiviti pembalakan yang tidak terancang. Inilah kecuaiannya yang tidak boleh dimaafkan, bahananya 1.2 juta penduduk di Lembah Klang menerima kesannya.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini juga sudah kedengaran suara-suara mengajak umat Islam membaca 'qunut nazilah' ketika solat Jumaat. Menteri yang mengepalai hal ehwal agama di Jabatan Perdana Menteri dilaporkan berkata, tujuan qunut itu dibaca ketika solat Jumaat ialah bagi menghindarkan bencana, inilah hakikat kita sebagai manusia apabila sudah menderita dan berada di dalam kesusahan barulah kita ingin kembali kepada Allah S.W.T.

Begitu juga dengan gejala murtad yang begitu parah sekarang, kita perlu sedar betapa perlunya undang-undang murtad diadakan sekarang, bukannya pernyataan yang terang terhadap kesalahan murtad itu sebagai satu penghinaan kepada Islam. Kekosongan itu diakui sendiri oleh menteri agama terhadap kelemahan sistem perundangan negara yang tidak terdaya untuk mengambil tindakan terhadap orang-orang yang murtad. Kita mencadangkan, merayu serta meletakkan pengharapan yang tinggi kepada Kerajaan Pusat untuk mengerakkan secara serius supaya pihak perundangan syariah di negeri mengambil langkah segera untuk membendung gejala murtad ini. Kesungguhan dan komitmen adalah perlu bagi membolehkan perundangan Allah itu direalisasikan tanpa dipolitik.

Tuan Yang di-Pertua, agenda yang diperjuangkan inilah antara lima perkara yang cuba dipertahankan oleh PAS iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah An-Nur ayat 55, yang bermaksud:

*“Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman, di antara kamu dan mengerjakan amal yang soleh bahawa Dia sesungguhnya akan menjadikan mereka penguasa di bumi. Sebagaimana Dia telah jadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa.”*

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sukacitalah saya menyebut masalah yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali iaitu masalah akhbar *Harakah* di atas muka hadapan ditulis ‘Akhbar *Harakah* Hanya Untuk Ahli Sahaja’. Apalah hendak dibuat kalau orang hendak beli sebab penjual berlesen mestilah dia menjual.

Sekianlah, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**5. 51 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Saya sangat berbangga kerana telah diberi peluang buat pertama kali untuk menyokong usul ucapan terima kasih.

Saya bangun untuk merakamkan rasa setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Diraja, yang baru lalu. Banyak perkara yang telah disentuh oleh Baginda yang meliputi bidang-bidang seperti ekonomi, politik, hubungan antara bangsa, keselamatan dan sosial. Saya yakin bahawa rakyat telah mengambil iktibar dan manfaat daripada titah Tuanku. Saya ingin mengajak Dewan yang mulia ini, marilah kita menzahirkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya serta usaha yang gigih yang dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin kita dapatlah kita menikmati keamanan dan kestabilan politik negara. Dalam kesempatan yang singkat ini, saya akan mengambil peluang ini untuk membangkitkan beberapa perkara atau isu yang penting walaupun sebahagian nya telah disentuh oleh rakan-rakan saya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, setelah negara mencapai pertumbuhan yang pesat selama lebih 10 tahun, negara kita menghadapi rintangan berikutan krisis mata wang melanda rantau ini. Keadaan ini telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saya yakin belanjawan yang dibentangkan oleh kerajaan baru-baru ini dan langkah-langkah yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan akan menjadi landasan kepada pemulihan ekonomi kita. Sungguhpun pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memulihkan ekonomi negara, namun saya percaya dengan adanya pengorbanan, komitmen dan sokongan rakyat terhadap usaha-usaha kerajaan itu negara akan kembali menikmati pertumbuhan yang pesat seperti tahun-tahun yang lalu.

Dalam usaha memulihkan ekonomi, sistem perbankan seharusnya diberi tumpuan kerana ianya adalah nadi ekonomi. Penggabungan-penggabungan institusi kewangan perlu dalam usaha negara memperkukuhkan sistem perbankan negara dan Bank Negara perlu memainkan peranannya dalam menjayakan penggabungan-penggabungan ini. Dengan penggabungan-penggabungan ini, institusi-institusi kewangan akan lebih kukuh dan mempunyai potensi untuk memperkembangkan aktiviti-aktivitinya di luar negara kerana daya saing yang lebih baik. Dalam hal ini, kerajaan seharusnya juga memberi penekanan kepada sistem perbankan Islam negara

yang setakat ini adalah satu-satunya sistem yang menjadi model kepada negara-negara Islam. Kejayaan institusi-institusi perbankan Islam sepatutnya dipertingkatkan lagi supaya negara ini diiktiraf sebagai mempunyai sistem perbankan Islam yang terancang di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pelabur-pelabur asing sememangnya digalakkan oleh negara ini. Sungguhpun demikian, pengajaran dari krisis mata wang yang telah dialami oleh negara menunjukkan bahawa pelaburan-pelaburan asing jangka pendek memudaratkan ekonomi kerana pengaliran keluar wang secara tiba-tiba. Kesan pengaliran keluar pelabur-pelabur jangka pendek ini menjejaskan mata wang dan kadar faedah dalam ekonomi negara. Bagi mengatasi masalah ini, saya mencadangkan agar kerajaan menumpukan perhatian untuk memberi insentif-insentif kepada pelaburan-pelaburan bercorak jangka panjang. Dalam hal ini, saya percaya bahawa Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dapat memainkan peranan dalam merangka dasar-dasar untuk menarik pelaburan-pelaburan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah menekankan usaha kerajaan dalam pembangunan projek Koridor Raya dan merayu rakyat Malaysia bersama-sama berganding untuk menentukan kejayaan projek tersebut supaya Malaysia tidak ketinggalan dalam era teknologi maklumat. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana wawasan beliau telah sekali lagi berjaya menaikkan martabat Malaysia dalam bidang-bidang teknologi dengan mewujudkan bandar cyberjaya yang akan menjadi pusat Koridor Raya Multimedia yang ulung di rantau ini. Walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi projek ini perlu dilaksanakan kerana ia bakal menarik pelaburan asing serta meninggikan tahap pencapaian teknologi maklumat di negara ini.

Dalam usaha kerajaan menumpukan perhatian dan tenaga kepada projek-projek, saya menggesa kerajaan supaya memberi perhatian kepada rakyat luar bandar khususnya yang tinggal di kampung-kampung dan ladang-ladang di mana kemudahan-kemudahan asas amat berkurangan, apatah lagi kemudahan komputer. Sehubungan ini, kerajaan harus mencari jalan dan pendekatan yang sesuai supaya dapat melibatkan mereka ini dalam arus pembangunan negara. Jika tidak, mereka akan terpinggir dalam era teknologi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan mutu dan tahap pendidikan negara. Segala usaha yang digariskan untuk reformasi pendidikan demi untuk memajukan industri berteknologi tinggi adalah tepat dan sesuai pada masanya serta dialu-alukan. Pengenalan konsep sekolah bestari yang bertujuan untuk membentuk budaya berfikir di kalangan pelajar-pelajar kita amat penting untuk pembangunan negara dan pencapaian hasrat Wawasan 2020. Dalam konteks pembangunan pendidikan di luar bandar terutamanya di kampung-kampung dan ladang-ladang, ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang kekurangan infrastruktur pendidikan seperti bangunan-bangunan sekolah, bekalan elektrik, air dan sebagainya.

Dalam keadaan ekonomi sekarang, demi untuk menjimatkan kos, saya ingin mencadangkan perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) menghadkan penghantaran ke luar negeri pelajar-pelajar tajaan kerajaan untuk peringkat Ijazah dan Ijazah Lanjutan kepada bidang-bidang yang tertentu sahaja;
- (ii) program-program berkembar yang dilaksanakan oleh institusi-Institusi pengajian tinggi tempatan perlu disemak dari segi pengambilan tenaga pekerja luar negeri; dan
- (iii) bayaran royalti yang dikenakan oleh institusi-institusi luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Yang di-Pertuan Agong, kerajaan telah menunjukkan sikap yang prihatin terhadap gejala-gejala sosial yang telah menjerumuskan generasi muda masa kini. Walau bagaimanapun memandangkan

pembangunan negara dalam 10 tahun yang lepas, lebih tertumpu kepada bidang ekonomi menyebabkan bidang sosial kurang diberi perhatian. Inilah masa yang sesuai untuk mengkaji semula dasar-dasar sosial negara.

Saya mengucapkan syabas di atas usaha yang diambil oleh kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan kerana telah meningkatkan tahap pencapaian belia di negara ini. Saya menggesa pihak-pihak kementerian berkenaan mencari jalan yang sesuai untuk memperkembangkan Program Rakan Muda terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan ladang-ladang. Program Tabung Ekonomi Belia harus juga dikembangkan kepada belia-belia di ladang untuk memberi peluang kepada mereka mengambil bahagian. Syarikat-syarikat swasta disarankan supaya mengambil bahagian secara aktif dengan cara menaja program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan di atas usaha gigih mereka dalam mengatur dengan rapi persiapan menjelang Sukan Komanwel Ke-XVI di Kuala Lumpur. Sokongan yang padu diberi oleh pelbagai peringkat masyarakat perlu diberikan kepada pihak kementerian dan Sukom dalam mempamerkan Malaysia di arena sukan dunia.

Selain daripada itu sukacita saya mengambil peluang ini untuk merakamkan tahniah kepada pihak Malaysian Airport Berhad dalam usaha mereka untuk menjayakan pertandingan World Motorcycle Grand Prix di Litar Pasir Gudang Johor pada 19 April 1998. Ini mencerminkan kejayaan demi kejayaan negara dalam menganjurkan acara bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berwibawa, Malaysia telah dihormati sebagai sebuah negara dinamik walaupun dilanda ekonomi di rantau ini. Kejayaan negara dalam mewujudkan kestabilan politik telah mengukir nama negara di pentas antarabangsa. Dalam pada itu pemimpin-pemimpin negara tanpa rasa segan dan silu telah dengan lantang menyuarakan isu politik dan ekonomi antarabangsa malah pemimpin-pemimpin negara menjadi jaguh di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam isu seperti Bosnia Herzegovina. Kita juga aktif dalam Persidangan APEC, Commonwealth, OIC, Kumpulan D8, South of Corporation dan G15. Malaysia bersama-sama dengan rakan ASEAN yang lain tetap mempertahankan kepentingan ASEAN walaupun tidak disenangi oleh negara-negara Barat.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi yang tinggi yang negara kita capai adalah hasil dari kejayaan industri-industri, kestabilan politik dan perancangan yang teliti oleh kerajaan. Untuk mengulangi kejayaan ini kita seharusnya melipatgandakan usaha-usaha kita supaya negara menjadi lebih efisien dan inovatif untuk meningkatkan daya saing terutama dalam era globalisasi. Dengan pimpinan dan wawasan negara saya penuh yakin bahawa negara akan kembali ke landasan kemajuan mencapai kecemerlangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi?

6.08 ptg.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta untuk mengambil peluang sama-sama bagi membahaskan Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita maklum sama-sama telah pun mengikuti pada hari tersebut, ucapan yang penuh bermakna dan pengertian yang tinggi kepada kita semua, kepada negara.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong meminta rakyat menguatkan azam dan tekad menghadapi cabaran. Meneruskan semangat juang dengan penuh dedikasi. Seri Paduka Baginda meminta rakyat bersabar menghadapi masalah yang berlaku di samping itu memberi kepercayaan atas usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita serta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, yang kita yakin berupaya mengatasi cabaran dan dugaan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan seperti ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pemimpin kita, meminta semua rakyat meningkatkan pembelian barang-barang pembuatan sendiri dan tidak membazir.

Agama Islam pun telah menyuruh kita jangan mambazir. Pembaziran adalah kerja syaitan. Kita tidak boros. Sepatutnya kita membuat tambahan penabungan saham untuk menabung wang dalam pelaburan sektor yang mempunyai keuntungan pada masa hadapan. Sekarang ini banyak telah wujud saham-saham terbitan seperti ANGKASA yang baru sahaja dilancarkan. Begitu juga Asnita yang baru-baru ini dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan lain-lain saham yang kita boleh melabur, yang boleh menguntungkan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini dalam surat khabar ada menyebut saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada jutawan Cina yang menjual 13 buah hotel di negara luar yang bernilai RM2 bilion. Wang itu akan dilaburkan semula dalam negara kita. Kita harap ramai lagi jutawan-jutawan lain yang turut serta serupa demikian untuk menjual hotel-hotel di luar negeri yang sepatutnya dijual dan juga hartanah untuk melabur semula dalam negara kita.

Dalam bidang pertanian saya juga mengharapkan bagi pihak Kementerian Pertanian melipatgandakan usaha tersebut. Tadi ada rakan-rakan menyebut Dasar Pertanian Negara tidak dapat dijalankan sepenuhnya. Sepatutnya pada ketika inilah melipatgandakan usaha-usaha tersebut bukan sahaja dapat menampung makanan yang tidak payah dibeli ataupun kita mengimport dari luar negeri tetapi dapat membantu kerajaan kita pada masa kegawatan ekonomi.

Saya terbaca dalam akhbar sendiri bahawa negara Iraq sendiri dalam menghadapi tekanan ekonomi, sekatan ekonomi daripada PBB dan negara Amerika sendiri. Pertanian adalah sebagai urat nadi mereka berusaha untuk menampung makanan rakyat mereka, dapat menahan kekuatan mereka. Sedemikianlah yang sepatutnya kita contohi bahawa pertanian itu dilipatgandakan. Kita tidak perlu beli barang-barang makanan sayuran dari luar negeri. Kerajaan sepatutnya menyeru meminta kepada rakyat bercucuk-tanam di pinggir rumah, membela ternakan ayam sebagaimana dibuat oleh datuk nenek kita. Setiap rumah ada bela ayam, ada bela itik - tidak payah membeli. Sekarang ini kita semua hendak beli sebab itulah kegawatan ekonomi itu kita tidak dapat mengatasi dengan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun negara kita kegawatan ekonomi, kemerosotan, pemasaran saham, kejatuhan saham kita yang menurun, yang runcing, Alhamdulillah negara kita dapat mempertahankan keadaan tidak perlu meminjam dengan tabung wang dunia atau IMF. Bukan itu sahaja negara kita dapat membantu negara-negara jiran. Sebagaimana kita maklum baru-baru ini kerajaan kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membantu pinjaman kepada Kerajaan Indonesia sebanyak US\$250 juta. Ini bukan

menunjukkan kemegahan sekalipun dalam kegawatan. Kalau kita bandingkan negara kita dengan negara jiran seperti di Thailand, Indonesia dan juga bukan negara yang saya sebut sahaja di Korea juga menghadapi kegawatan tetapi negara kita dapat membantu negara jiran kita. Alhamdulillah ini adalah kebijaksanaan pemimpin kita. Negara kita tidak meminjam dengan IMF. Sungguhpun begitu kita disanjung oleh dunia setiap masa atas kewibawaan dan kebijaksanaan pemimpin kita, dapat menyuarakan masalah-masalah negara kita di luar dunia sekalipun kita diancam dengan berbagai-bagai berita luar yang memburukkan keadaan negara kita. Menyebut kita meracuni pendatang haram adalah satu perkara yang tidak benar. Ini adalah kecemburuan negara-negara Barat kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut merasa bangga atas keupayaan negara kita khasnya Kementerian Belia dan Sukan yang dapat menyediakan akan melaksanakan sukan kedua terbesar di dunia Sukan Komanwel ke-XVI dan kita berdoa

dan kita harap supaya tohmah-tohmah negara luar tidak akan menjejaskan pelaksanaan Sukan Komanwel ke-XVI nanti dan memberikan kesan yang baik. Mudah-mudahan kita akan dapat melaksanakan dan dapat sanjungan daripada dunia, daripada rakan-rakan kita dan mendapat kejayaan dalam pertandingan-pertandingan sukan yang kita hadapi nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang menyentuh sedikit berhubung dengan pertanian iaitu yang kita tahu sekarang ini harga kelapa sawit yang begitu baik. Kita dapat wang daripada luar negeri atas penjualan kita.

Saya mengharap sekali lagi supaya mewujudkan satu tabung khas bagi menampung pekebun-pekebun kecil ataupun peladang-peladang dalam negara kita untuk menanam semula sebagaimana kita lakukan penanaman semula getah, ada wang sesnya. Sepatutnya dalam masa harga sawit yang begitu baik, yang begitu tinggi sepatutnya telah diwujudkan wang ses ini – diambil daripada penjualan – setiap jualan itu diadakan potongan ses dan wang itu dapat kita kumpulkan untuk menampung peladang-peladang dan pekebun-pekebun kecil bagi membangunkan tanaman mereka semula.

Saya difahamkan tanaman-tanaman lain juga patut diberikan sampingan dan galakan, umpamanya tanaman jati emas atau pokok sentang. Saya ada pergi membuat lawatan ke Sabah, saya lihat sendiri bahawa di antara tanaman pokok kelapa sawit itu ditanamnya pokok jati. Tanaman kelapa sawit dalam masa empat tahun kita telah dapat mengeluarkan hasil, di samping itu kita menanam pokok jati juga akan mendapat hasil sampingan. Bermakna pekebun kecil atau peladang yang tanahnya lebih kurang 3 ekar atau 5 ekar boleh ditanam dengan dua jenis tanaman dan akan mendapat dua penghasilan.

Saya difahamkan pokok jati dalam masa 5 tahun harganya tidak kurang daripada RM500 sebatang. Kalau 10 hingga 15 tahun boleh meningkat sampai RM2,000 sebatang. Jadi, bermakna dua pendapatan akan diterima oleh petani dan peladang itu. Ini satu galakan yang baik. Selain daripada itu saya lihat sendiri bahawa di samping dia menanam pokok-pokok jati ada juga di antara tanaman koko dengan tanaman pokok kayu manis. Ini juga mendatangkan hasil yang baik. Maksud saya supaya Kementerian Pertanian memberikan subsidi kepada petani-petani dengan benih tanaman-tanaman yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Persatuan Pekebun Kecil yang sudah wujud sekian lama. Saya suka hendak membawa perkara tersebut sekali lagi. Sebenarnya Persatuan Pekebun Kecil ini ada mewujudkan satu koperasi yang namanya Koperasi Ladang Pekebun Kecil. Beberapa tahun dahulu ada memohon tanah dalam negeri Semenanjung ini hampir 40,000 ekar tetapi tanah-tanah tersebut diamanahkan kepada RISDA untuk dikendalikan kerana Persatuan Pekebun Kecil tidak mempunyai modal pada ketika itu dan RISDA telah menjalankan usaha menanam semula sama ada penanaman getah dan kelapa sawit. Maksud saya, hak tanah itu adalah nama Koperasi Ladang Pekebun Kecil tetapi pengendalian itu diamanahkan kepada pihak RISDA.

Oleh yang demikian, sepatutnya penghasilan daripada tanaman tersebut – hasil yang diperolehi dapat diambil kira dan dibahagi semula kepada Koperasi Ladang Pekebun Kecil ataupun Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil kerana Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil juga adalah datangnya pekebun-pekebun kecil dan tanaman yang diamanahkan kepada RISDA pada ketika itu ialah menggunakan wang sesnya. Jadi, sesuai dan logik supaya penghasilan itu dapat dipulangkan semula untuk dirundingkan dan ada sebahagian tanah itu sepatutnya hak Koperasi Ladang Pekebun Kecil dikembalikan kepada Koperasi Ladang Pekebun Kecil. Perkara ini telah pun saya sebut beberapa kali dahulu. Mudah-mudahan dengan keadaan yang sedemikian dapat benar-benar dirasai oleh pekebun kecil.

Selain daripada itu ada satu koperasi namanya Koperasi Pekebun Kecil yang telah diwujudkan dan direstu oleh RISDA pada ketika itu dan sekarang ini berjalan dengan baik dan di antara koperasi-koperasi pekebun kecil di setiap daerah dan negeri

itu diwujudkan yang dinamakan NASCO mengandungi 60 buah koperasi. Kebetulan saya sebagai salah seorang lembaga pengarah. Maksud saya supaya koperasi atau NASCO ini dapat kerajaan memberikan tumpuan, modal, pinjaman untuk melaksanakan rancangan mereka yang benar-benar akan memberikan keutamaan dan faedah kepada pekebun-pekebun kecil. Sebagaimana kita ketahui yang saya sebut tadi bahawa negara kita, dalam masa kegawatan ini pertanian adalah satu-satunya yang patut kita lipatgandakan, sekalipun dalam masa kegawatan sama ada tanah-tanah terbiar, tanah-tanah yang tidak diusahakan dan ini boleh disalurkan melalui Koperasi Pekebun Kecil yang saya sebutkan tadi.

Jadi, saya pun dengan tergepoh-gapah, tidak banyak perkara yang hendak saya perkatakan. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu dapat kita hayati, mereka yang benar-benar prihatin kepada rakyat. Seruan mereka yang patut kita ikuti dan kita teladani dan benar-benar kita ini mengikut arahan kerajaan bahawa kita bangga pucuk pimpinan kita dapat mempertahankan keadaan negara kita sekarang ini, menebus maruah kita. Alhamdulillah dengan pucuk pimpinan yang ada ini sudah menebus maruah negara dan bangsa. Kita terkenal di seluruh dunia. Kita bukan sahaja terkenal tetapi kita dilawati setiap masa dan dicontohi serta diikuti oleh negara-negara lain. Dari segi keagamaan begitu juga kita dianggap sebagai sebuah negara yang menjalankan bidang agama yang begitu baik sekali di dalam negara kita dan dicontohi. Dahulu kita sanjung negara-negara Timur tetapi negara kita sekarang ini telah dapat menjalankan pelbagai aktiviti yang boleh membendung keadaan gejala sosial.

Tuan Yang di-Pertua, sekalipun Kementerian Belia dan Sukan banyak mengadakan rancangan, latihan dan juga pelbagai acara yang diadakan – Rakan Muda, Rakan Masjid dan sebagainya tetapi kita masih lagi melihat berlaku kejadian-kejadian gejala sosial ini di dalam negara kita. Umpamanya baru-baru ini di dalam surat khabar ada belia-belia berpesta di bumbung rumah. Itu satu perkara yang mengaibkan kita dan saya difahamkan di ibu kota juga ada tempat-tempat yang diadakan karaoke yang terbuka, yang terdedah, yang bukan sahaja menjolok mata, melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah S.W.T.. Sebab itulah negara kita sekarang ini menghadapi masalah. Allah S.W.T. menurunkan bala kepada kita. Sepatutnya langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan itu dapat dipertingkatkan lagi, bukan sahaja memberikan ilmu dan pengetahuan kepada mereka tetapi kita dapat membimbing satu cara yang baik iaitu peningkatan untuk mencegah daripada gejala sosial ini ialah dengan mendekati anak-anak ataupun remaja kita kepada jalan-jalan keagamaan. Bukan sahaja keagamaan dari segi keislaman, apa sahaja bidang agama sama ada Kristian, Buddhist dan juga Hindu kerana semua agama itu mencegah daripada perkara-perkara yang mungkar, yang menyalahi. Agama Hindu juga bukannya ia tidak mencegah daripada yang mabuk, minum arak dan sebagainya, serupa juga menuju ke arah kebaikan.

Maksud saya supaya penekanan kita kepada remaja dan belia-belia ini kepada jalan agama kita tidak boleh salahkan kepimpinan sahaja tetapi ibu bapa sendiri, masyarakat dan pemimpin-pemimpin di kampung sendiri bertanggungjawab bersama untuk membendung belia-belia dan remaja kita daripada gejala sosial. Ini akan memburukkan lagi keadaan apatah lagi perubahan sekarang ini iaitu Internet, melihat filem-filem lucu, keadaan pergaulan masih lagi belum berkurangan termasuklah berhubung dengan penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Sekalipun ada badan-badan sukarela seperti PEMADAM tetapi belum lagi dapat mengatasi sepenuhnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sekali lagi saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya, cara yang boleh saya sampaikan dan saya menyokong atas perbahasan ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis, Yang Berhormat hendak bercakap lagi? Masa sudah cukup, kita tangguh besok ya. Majlis ditangguh pada besok hari jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*